

**Pameran kerjaya Selangor tawar 24,500 kerja**

MUKA 4

**Sultan Selangor murka insiden conteng mural**

MUKA 5

**Bingkas, cekal resipi kejuaraan Liverpool**

MUKA 11

**Siti Nurhaliza jatuh cinta tart nanas bekas asnaf**

MUKA 17

Dimohon dalam Rancangan Malaysia ke-12

# RM500 juta atasi banjir Hulu Langat

OLEH KHAIRUL AZRAN HUSSIN

**HULU LANGAT** - Kerajaan Selangor memohon RM500 juta untuk melaksanakan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Langat fasa 2 bagi mengatasi kekerapan banjir di sekitar Kajang.

Dato' Menteri Besar berkata peruntukan melalui Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) merangkumi proses mendalamkan sungai bagi menampung kapasiti aliran air dan menaik taraf kolam takungan.

Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan tebatan banjir mampu menyelesaikan masalah di kawasan rendah antaranya sekitar Sungai Jambu, Sungai Pening dan Sungai Sekamat setiap kali berlaku hujan luar biasa.

"Sungai Langat biasanya boleh menerima maksimum 88 hingga 90 milimeter (mm) tetapi kali ini ada lokaliti mencatatkan (taburan hujan) 192 mm iaitu Sungai Kantan. Ada tempat lain pula 164 mm dan 153 mm," katanya selepas mendengar taklimat di Menara Majlis Perbandaran Kajang pada 20 Julai lalu.

Beliau berkata Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri perlu melakukan tempoh ulangan (average recurrence interval atau ARI) sehingga 150 tahun bagi memastikan musibah sama tidak berulang.

"Maknanya selepas ini pihak JPS perlu memanjangkan lagi ARI untuk melihat berapa tahun trendnya. Untuk RTB ini, kita akan cuba memanjangkan hingga 150 tahun supaya jika (hujan luar biasa) berulang, tidak mendatangkan kesan sebaliknya (banjir)," katanya.



Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari bersama Ahli Dewan Negeri Balakong Wong Siew Ki membersihkan kawasan perumahan di Kampung Sri Jambu, Kajang pada 20 Julai. Amirudin juga menziarahi mangsa banjir di beberapa lokasi lain di Dengkil, Sepang dan menyampaikan sumbangan di Menara Majlis Perbandaran Kajang. Foto Hafiz Othman

Menyifatkan kejadian itu paling buruk di daerah berkenaan sejak beberapa tahun lepas, Amirudin berkata sebahagian lokasi yang tenggelam pada tahun tersebut tidak banjir kali ini susulan pelaksanaan RTB Sungai Jeluk.

"Kali ini kita melihat lagi untuk mening-

katkan secara keseluruhan, nilainya RM500 juta dan kita sudah masukkan dalam senarai RMK-12 yang akan dibenteng tahun depan," katanya.

Setelah tamat RMK-11 pada tahun ini, rancangan lima tahunan yang bakal diben-

tang di Dewan Rakyat akan bermula 2021 hingga 2025.

Pada 19 Julai lalu, sebanyak 22 kawasan di sini dilanda banjir kilat selain daerah-daerah Sepang sebanyak 14 kawasan, Hulu Selangor (empat) Gombak (dua) dan Klang (satu).

## 85,000 keluarga nikmati Skim Insurans Peduli Sihat

**SHAH ALAM** - Seramai 85,000 keluarga berpendapatan bawah RM2,000 sebulan bakal menikmati pelbagai kemudahan kesihatan dengan menyertai Skim Insurans Peduli Sihat.

Dato' Menteri Besar berkata jumlah penerima bertambah 20,000 orang selepas penajaran maklumat dengan Bantuan



Sara Hidup dan semakan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

"Insurans kesihatan yang meliputi 85,000 keluarga ini bertujuan membantu meringankan beban golongan berpendapatan rendah (B40) untuk menerima rawatan asas serta pelbagai manfaat kesihatan lain.

"Aspek kesihatan sentiasa dititikberatkan

dalam dasar pentadbiran negeri bagi memastikan rakyat Selangor menikmati kualiti kehidupan lebih baik," kata Dato' Seri Amirudin Shari di sini pada 15 Julai.

Skim itu menyediakan bantuan pengubatan sebanyak RM1,000, perlindungan peribadi (RM5,000), perlindungan penyakit kritikal (RM5,000) dan kematian (RM2,000).

Selangor memperuntukkan RM42.5 juta un-

tuk Skim Insurans Peduli Sihat melalui penguaman pakej rangsangan ekonomi Selangor Prihatin pada April lalu, tambahan kepada Skim Peduli Sihat yang dijalankan sejak 2017.

Mereka yang mendaftar menerusi skim berkenaan juga memperoleh rawatan asas kesihatan secara percuma di lebih 1,500 klinik panel. Pemohon boleh mendapat maklumat lanjut di portal [www.pedulisihat.com](http://www.pedulisihat.com).



## Ganti paip lama, elak gangguan bekalan

**SHAH ALAM** - Penggantian paip usang bagi mengelak gangguan bekalan air adalah keutamaan ketika ini, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata paip baharu lebih berkualiti serta tahan lasak berbanding sedia ada menggunakan jenis simen asbestos yang mudah terhakis.

"Lebih 100 km paip ditukar setiap tahun sejak 2016 dan kerja penggantian terus dijalankan bagi memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat seiring sasaran Negeri Pintar 2025.

"Panjang keseluruhan paip di Lembah Klang hampir 29,000 km dan proses penggantian memerlukan tempoh lama. Berdasarkan pertemuan saya dengan pengendali air swasta di negara ini dan Asia Tenggara, 20 tahun diperlukan untuk ganti 25,000 km paip," katanya pada 16 Julai.

## MBI sasar lebih ramai peniaga sertai e-Dapur

**SHAH ALAM** - Penerimaan Menteri Besar Selangor (MBI) akan mengumumkan perancangannya berkaitan program e-Dapur Selangor dalam masa terdekat.

Jurucakapnya berkata pihaknya menyambut baik pengumuman Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari untuk meneruskannya dalam pembentangan pelan pemulihan ekonomi Selangor.

"Program e-Dapur banyak membantu peniaga dan kita yakin ruang seperti ini mampu mengembangkan perniagaan mereka," katanya pada 14 Julai.

Kerajaan Selangor menyasarkan pembabitan 1,000 usahawan dengan nilai jualan RM12 juta. Ia turut diperluaskan kepada perkhidmatan barangan runcit, farmasi dan produk usahawan negeri ini.

## RM35 bilion tingkat perkhidmatan air

**SUBANG JAYA** - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) membuat pelaburan pembangunan RM35 bilion untuk tempoh 30 tahun bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pelanggan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Suhaimi Kamaralzaman berkata pelaburan itu termasuk memenuhi keperluan bekalan air bersih kepada pengguna di wilayah Klang dan Petaling dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang.

"Kita juga merancang mencari sumber air loji rawatan di selatan negeri ini supaya bekalan air lebih cepat sampai kepada penduduk di kawasan berkenaan.

"Sekiranya loji rawatan air dihenti tugas disebabkan kerja penambahbaikan, kita berharap dapat meminimumkan tempoh gangguan bekalan air kepada pelanggan terjejas kerana ia (gangguan bekalan air) adalah sesuatu di luar jangka," katanya pada 16 Julai.

## Pelan pemulihan usaha tangani kesan wabak

# Pastikan Selangor terus teraju ekonomi

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

**SHAH ALAM** - Pelan pemulihan yang diluluskan sidang Dewan Negeri Selangor pada 15 Julai lalu memastikan negeri ini terus unggul sebagai peneraju ekonomi negara, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata pelan itu, lanjutan dua fasa pakej rangsangan Selangor Prihatin pada Mac dan April lalu, membolehkan negeri ini menangani kesan jangka panjang dan sederhana Covid-19.

"Tiga asas dibina iaitu keselamatan makanan, kemampunan ekonomi dan pembangunan keupayaan dibahaskan dengan menyeluruh oleh Ahli Dewan Negeri (ADN) kerajaan serta pembangkang," katanya pada 16 Julai.

Pelan itu membabitkan nilai ekonomi berjumlah RM55.85 bilion. Sehingga kini, sebanyak RM260.14 juta yang dibelanjakan memberi manfaat kepada lebih separuh penduduk.

Bagi pakej fasa pertama, sebanyak RM127.78 juta diperuntukkan diikuti RM272.5 juta pada kali kedua. Bantuan itu meliputi peniaga, petugas barisan hadapan, golongan B40 dan mahasiswa.

**Tiga asas dibina iaitu keselamatan makanan, kemampunan ekonomi dan pembangunan keupayaan dibahaskan dengan menyeluruh oleh Ahli Dewan Negeri (ADN) kerajaan serta pembangkang**

**AMIRUDIN SHARI**  
Dato' Menteri Besar

Amirudin turut menzahirkan penghargaan atas kerjasama ADN yang memberi sokongan terhadap pembangunan inisiatif berkenaan sebagai usaha memperkukuhkan struktur ekonomi negeri.

"Seramai 20 ADN berbahas dan membincangkan banyak perkara sangat penting khususnya untuk pendigitalan rakyat serta bagaimana mempertahankan kedudukan ekonomi," katanya.

## PROGRAM BAHARU

- Selangor Kerjaya diperuntukkan **RM58 juta** untuk melatih kemahiran baharu kepada 10,000 individu diberhentikan kerja
- AgroData Selangor dengan peruntukan **RM50 juta** bagi memadankan permintaan dan penawaran hasil tani
- Pulangan hasil Pelaburan Waaqaf yang bernilai **RM50 juta** atasi kemiskinan bandar
- Rakan Digital Selangor dilaksana dengan kerjasama universiti **RM3 juta**
- Inisiatif Data Internet Selangor **RM18 juta** beri manfaat kepada 40,000 di luar bandar
- Insentif sekali bayar **RM1,000** kepada pemandu pelancong, pengusaha inap desa dan hos komuniti

## Usul pelan pemulihan diluluskan

**SHAH ALAM** - Tiga usul diluluskan termasuk pelan pemulihan ekonomi negeri pada sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) yang berjalan 13 hingga 16 Julai lalu.

Dua usul lain ialah mendesak Putrajaya menggubal undang-undang antilompat parti dalam kalangan ahli Dewan Rakyat dan negeri serta mempercepat penggantian paip bagi mengurangkan gangguan bekalan air.

Kedua-duanya dibawa oleh Ahli Dewan Negeri Bukit Gasing, R Rajiv.

Usul menggesa penggubalan undang-undang antilompat bertujuan menghalang wakil rakyat menyertai parti lain dan mereka perlu mengosongkan kerusi sekiranya berbuat demikian.

Sementara usul mempercepat proses penggantian paip bertujuan mengelak gangguan bekalan air demi kesejahteraan rakyat.

Dato' Menteri Besar berkata kualiti dan kematangan wakil rakyat berbahas membolehkan usul penting seperti pe-

lan pemulihan diluluskan dan melancarkan perjalanan DNS.

"Walaupun (wakil rakyat) ada perbezaan dan kadang-kadang tinggi suara tetapi saya berpuas hati dengan butiran perbahasan membina daripada kerajaan dan pembangkang," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 17 Julai.

Pelan pemulihan membabitkan nilai ekonomi RM55.8 bilion adalah langkah Kerajaan Negeri mengurangkan dampak penularan Covid-19 yang menjejaskan hampir semua bidang ekonomi.

## Hutang Yayasan Selangor bermula era BN

**SHAH ALAM** - Sistem dan amalan pentadbiran terdahulu didakwa menjadi punca Yayasan Selangor menanggung hutang RM34 juta sejak 1990, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata hutang tersebut berpunca kegagalan pembayaran balik pinjaman pelajaran dan penyewaan aset.

Selain itu, kos pentadbiran dan pengurusan aset milik yayasan berjumlah RM2.9 juta setahun sedangkan hasil sewaan hanya RM123,000 sahaja.

"Kita tidak boleh terus menanggung kerugian, jadi aset tidak mendatangkan pulangan perlu dijual sebagai langkah penstrukturan semula," katanya bagi menjelaskan penjualan aset yayasan berkenaan yang dibangkitkan Ketua Pembangkang, Rizam Ismail dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS), 15 Julai lalu.

Amirudin berkata Kerajaan Negeri membuat penambahbaikan melalui aset berdaya saing dan menguntungkan, selain membaik pulih premis milik Yayasan

Selangor di Kampung Baru, Ampang Point dan Bukit Bintang.

Sementara itu, Yayasan Selangor menuntut permohonan maaf daripada Rizam berhubung kenyataan penjualan aset membabitkan agensi itu.

"Sekiranya beliau gagal berbuat demikian dalam tempoh terdekat, Yayasan Selangor akan mengambil tindakan sewajarnya, termasuklah tindakan perundangan bagi menjaga nama baik, reputasi dan imej Yayasan Selangor," katanya.

# Mangsa banjir kilat terima RM500

**KAJANG** - Kerajaan Negeri mengagihkan bantuan segera RM500 kepada setiap keluarga mangsa banjir kilat di Hulu Langat, Hulu Selangor, Gombak, Dengkil dan Klang pada 18 Julai.

Dato' Menteri Besar berkata bantuan barangan keperluan dapur turut diagih-

kan demi meringankan beban mangsa.

"Jika diikutkan mangsa banjir kilat tidak layak menerima bantuan RM500, yang layak hanya mangsa banjir pada musim tengkujuh sahaja, namun atas dasar prihatin saya setuju salurkan bantuan."

"Saya minta agensi berkaitan dapat-

kan bilangan tepat keluarga terjejas, kita tidak mahu ada tercicir, selain berharap lebih banyak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tampil hulurkan bantuan," kata Dato' Seri Amirudin Shari selepas menziarahi mangsa banjir di Kampung Sri Jambu dan Taman Muhibbah di sini pada 20 Julai.

Peserta dapat subsidi sehingga RM380

# RiDE bantu cipta peluang kerjaya



**Amirudin menyempurnakan gimik pelancaran program Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE) di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam pada 21 Julai**

OLEH AFIX REDZUAN

**SHAH ALAM** - Inisiatif Roda Darul Ehsan (RiDE) bukan hanya membantu peserta mendapat lesen, malah membuka peluang pekerjaan melalui kerjasama syarikat e-panggilan.

Dato' Menteri Besar berkata setiap peserta diberi latihan khusus melalui peruntukan RM2 juta oleh Kerajaan Negeri de-

ngan menasar 3,000 belia miskin bandar.

"Sebanyak RM1.5 juta diperuntuk bagi pengambilan lesen dengan subsidi RM350 hingga RM380 seorang, manakala baki untuk sesi latihan.

"Khidmat e-panggilan menjadi trend ketika Perintah Kawalan Pergerakan dan kita percaya usaha ini membantu mereka ke arah itu," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 21 Julai.

Beliau berkata permohonan dibuka mulai 1 Ogos dan berharap program tersebut meluaskan sektor ekonomi sampingan sekali gus menyediakan lebih banyak peluang kerja.

Program RiDE menerima peruntukan awal RM1 juta dalam Belanjawan 2020 dan ditambah kepada RM2 juta melalui pelan pemulihan ekonomi fasa ketiga pada 13 Julai.

# Lahir pekerja mahir, jadi pilihan majikan

**SHAH ALAM** - Inisiatif Selangor Kerjaya melalui pelan pemulihan ekonomi negeri melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi yang menjadi pilihan majikan selaras Revolusi Industri Keempat.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Datuk Abdul Halim Mansor berkata pihaknya menyambut baik inisiatif Kerajaan Selangor pimpinan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari yang bertindak pantas terhadap isu pengangguran akibat

penularan Covid-19.

"Tindakan diambil Kerajaan Selangor untuk membantu 10,000 orang dengan menyalurkan peruntukan besar tepat pada masanya, ramai hilang pekerjaan.

"Bukan sahaja mereka dapat kembali bekerja, mungkin boleh juga menjadi usahawan dengan kemahiran baharu," katanya pada 21 Julai.

Inisiatif membabitkan perbelanjaan RM58 juta bagi tempoh tiga tahun adalah usaha baharu Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah pengangu-

ran yang meningkat mendadak akibat penutupan operasi sebahagian besar perniagaan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac.

Selain memberi latihan baharu, ia menyediakan sistem profil dan panggilan data yang mengambil kira kesesuaian minat, keperibadian, kompetensi dan kemahiran tenaga kerja di Selangor.

Program ini antara tiga tonggak pelan pemulihan ekonomi negeri iaitu pembangunan keupayaan bagi mengurangkan pengangguran.

## Penahan bah Sungai Langat siap tahun ini

**KAJANG** - Projek pembinaan benteng penahan banjir sepanjang 150 meter di Sungai Langat yang dianggarkan bernilai RM200,000 dijangka siap tahun ini, kata EXCO alam sekitar.

Hee Loy Sian berkata pada masa ini ia masih pada peringkat proses tender Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor.

"Kita harap selepas siap ia mampu menghalang air hujan masuk ke kawasan ini," kata Hee Loy Sian yang juga Ahli Dewan Negeri Kajang ketika meninjau kesan banjir di Jalan Mandaling pada 19 Julai lalu.

Beliau berkata JPS Selangor juga memohon peruntukan berjumlah RM140 juta daripada kerajaan Persekutuan bagi projek tebatan banjir di sungai berkenaan.

## Pesakit Covid-19 diseru mohon RM1,000

**SHAH ALAM** - Bekas pesakit dan ahli keluarga mangsa Covid-19 dari Selangor digesa memohon bantuan khas RM1,000 bawah pakej rangsangan ekonomi Selangor Prihatin fasa kedua.

EXCO Kesihatan Dr Siti Mariah Mahmud berkata bantuan boleh dimohon melalui pautan [www.selangorprihatin.com](http://www.selangorprihatin.com).

Ia terbuka kepada warganegeri yang bermastautin lebih lima tahun dan disahkan positif virus itu oleh hospital, klinik kesihatan kerajaan atau pusat perubatan berdaftar.

"Seramai 195 individu mendapat manfaat daripada 349 permohonan yang diterima. Jumlah memohon agak sedikit kerana Kerajaan Negeri menghadapi kekangan mendapat data pesakit yang tertakluk dalam Akta Perlindungan Data Peribadi.

"Justeru, kami berharap bekas pesakit dan ahli keluarga mangsa Covid-19 yang meninggal dunia membuat permohonan segera," katanya pada 22 Julai.

Kerajaan Negeri memperuntukkan RM1.8 juta untuk bantuan ini.

## Hantar rekod belanja sumbangan Pusat

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri bersedia menghantar rekod penggunaan sumbangan Kerajaan Persekutuan bagi menangani krisis Covid-19 kepada Perbendaharaan Malaysia atas prinsip ketelusan.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari berkata Selangor menerima bantuan RM16 juta daripada Kerajaan Persekutuan seperti yang diumumkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 23 Mac.

"Ya, memang sebelum ini kerajaan setuju menyalurkan sebanyak RM130 juta bagi membantu kerajaan negeri menangani krisis wabak Covid-19, tetapi jumlah itu dibahagikan antara negeri, jadi setiap sebuah negeri dapat RM10 juta.

"Sebahagian besar peruntukan berkenaan digunakan untuk membantu petugas barisan hadapan," katanya pada 15 Julai.



## RM4.8 bilion pelaburan kilang kertas



**SHAH ALAM** - Selangor meraih pelaburan RM4.8 bilion menerusi persetujuan syarikat swasta untuk membangunkan dua kilang kertas di Banting.

EXCO Pelaburan Dato' Teng Chang Khim berkata pembinaan berkeluasan 32 dan 53 hektar bakal menawarkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan.

"Pada masa sama, kesemua bahan buangan yang dibawa ke kilang ini akan mematuhi Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

"Syarikat-syarikat ini juga mematuhi ketetapan Jabatan Alam Sekitar," katanya pada 14 Julai.

## AgroData kenal pasti keperluan industri

**SHAH ALAM** - Inisiatif AgroData dapat membantu Kerajaan Negeri mengenal pasti jenis pertanian sesuai dipadankan dengan keperluan industri berdasarkan keluasan tanah.

EXCO pertanian berkata usaha pengumpulan data sejak setahun lalu dijangka siap dalam tempoh enam bulan lagi.

"AgroData ialah usaha Kerajaan Negeri untuk melengkapkan penyediaan maklumat sektor pertanian di Selangor.

"Ini membantu menghimpunkan semua maklumat berhubung jenis pertanian, guna tanah dan industri yang memproses bahan pertanian atau industri asas tani," kata Ir Izham Hashim pada 18 Julai.

## Perlu isi borang di laman web Perkeso

# Pameran kerjaya buka 24,500 peluang

OLEH **KHAIRUL AZRAN HUSSIN**

**SHAH ALAM** - Sebanyak 24,500 peluang pekerjaan ditawarkan menerusi pameran kerjaya anjuran Kerajaan Negeri bagi membantu individu diberhentikan kerja susulan Covid-19.

EXCO Pembangunan Belia Mohd Khairuddin Othman berkata pemohon perlu mengisi borang menerusi laman sesawang Perkeso sebelum dipilih menghadiri program tersebut serta ditemu duga di lokasi terpilih.

"Kerjasama Kerajaan Negeri dengan Perkeso adalah antara usaha mengatasi isu pembuangan kerja selepas banyak sektor perniagaan terjejas susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Tatacara operasi piawai (SOP) lokasi pameran kerjaya pada peringkat akhir penelitian. Kita cadangkan penganjuran di daerah atau di kawasan luas bagi memastikan penjarakan sosial," katanya, menjawab soalan lisan Ahli Dewan Negeri Bandar Utama, Jamaliah Jamaluddin



**Kerjasama Kerajaan Negeri dengan Perkeso adalah antara usaha mengatasi isu pembuangan kerja selepas banyak sektor perniagaan terjejas susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)**

**MOHD KHAIRUDDIN OTHMAN**  
EXCO Pembangunan Belia

pada sidang Dewan Negeri Selangor pada 14 Julai.

Mengatasi isu pembuangan kerja akibat dampak Covid-19 antara fokus utama Kerajaan Selangor menerusi pelan pemulihan ekonomi yang dibentangkan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pada 13 Julai.

Pelan itu lanjutan pakej rangsangan Selangor Prihatin dua fasa pada Mac dan April. Ia menggariskan tiga tonggak utama termasuk pembangunan keupayaan bagi membantu rakyat kehilangan pekerjaan.

## Rodziah jelaskan isu bantuan penjaja

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri terpaksa menilai semula bantuan RM500 kepada peniaga dan penjaja kecil selepas se-

makan mendapati ramai memiliki lebih daripada satu lesen perniagaan.

EXCO Pembangunan Usahawan Rodziah Ismail berkata ia bagi mengelak insentif di bawah pakej rangsangan Se-

langor prihatin Covid-19 itu diberikan kepada pihak tidak sepatutnya.

"Sebelum ini kita tiada pangkalan data berpusat senarai pemegang lesen. Pihak berkuasa tempatan (PBT) ada pangkalan data masing-masing, jadi kita tidak dapat kesan jika individu sama memohon lesen di PBT lain hingga ada memiliki tujuh lesen.

"Apabila pemegang lesen 12 PBT digabungkan, kita dapati bilangan keseluruhan adalah 80,000 orang, namun jumlah ini tidak tepat kerana banyak kes individu memiliki lebih daripada satu lesen," katanya pada 15 Julai.

Beliau menjawab soalan Ahli Dewan Negeri Gombak Setia Hilman yang mendakwa ramai peniaga dan penjaja tidak mendapat bantuan RM500 walaupun Kerajaan Negeri menyasarkan 80,000 orang menerima manfaat tersebut.

Terdahulu, Rodziah berkata Kerajaan Negeri membelanjakan RM10 juta daripada RM40 juta insentif diperuntukkan kepada peniaga serta penjaja. Ia tidak disalurkan kerana siasatan mengesan salah laku berhubung pengeluaran serta penggunaan lesen perniagaan.

## 250,000 terima skim air percuma

**SHAH ALAM** - Seramai 250,000 pemegang akaun meter individu layak menikmati bantuan air percuma menerusi Skim Air Darul Ehsan, kata EXCO infrastruktur.

"Awalnya, pada 15 Julai lalu, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) memaklumkan 184,020 pemegang akaun meter individu layak menerima bantuan berkenaan.

"Namun selepas mengambil

kira penduduk rumah pangsa kos rendah dalam kategori meter pukal yang secara automatik layak mendapat air percuma di bawahnya, jumlah itu meningkat kepada 250,000," kata Ir Izham Hashim pada 15 Julai.

Izham yang juga memegang portfolio kemudahan awam berkata sebanyak 226,969 permohonan bantuan itu diterima sehingga 31 Disember 2019 tetapi

15,625 pendaftaran tidak diproses dalam Sistem Smart Inisiatif Peduli Rakyat (SSIPR).

"Antara sebab gagal diproses ialah, nombor kad pengenalan, nombor meter air dan nombor telefon digunakan pemohon lain. Selain itu, maklumat permohonan tidak lengkap," katanya.

Permohonan untuk mendapatkan air percuma masih dibuka walaupun ia ditutup pada Mac lalu mengikut jadual asal.

## SELANGOR

### SIDANG PENGARANG

**PENASIHAT** Lembaga Editorial CCSB

**PENGARANG KUMPULAN** Fathi Aris Omar

**KETUA PENGARANG** Fazallah Pit

**PENGARANG** Nurul Farina Nazlan

**PENOLONG PENGARANG** Naeem Raffi, Mohd Ezli Mashut, Afeeqa Afeera, Hafizan Taib & Aishah Amin

### WARTAWAN

**Afix Redzuan** syafiq@mediaselangor.com,

**Nazli Ibrahim** nazli@mediaselangor.com,

**Khairul Azran Hussin** khai@mediaselangor.com

**Nadiah Zamli** sitinadiah@mediaselangor.com

**Amin Ridzuan Ishak** min.ridzuan@mediaselangor.com

**Norrasidah Arshad** norrasidah@mediaselangor.com

**Sheeda Fathil** sheeda@mediaselangor.com

**Zareef Muzammil** zareefmuzammil@mediaselangor.com

**Aliff Fikri** aliff.fikri@mediaselangor.com

**JURUGAMBAR** Asri Sapfie, Raheemie Arifin, Hafiz Othman & Fikri Yusof

**GRAFIK & REKA LETAK** Azwa Malek, Azarina Aziz, Farah Azila Mustapha

### JABATAN PEMASARAN & PENGIKLANAN

**Nadhras Azlan** nadhras@mediaselangor.com

**Syahir Khadri** syahir@mediaselangor.com

## Sultan Selangor murka insiden conteng

**SHAH ALAM** - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Id-ris Shah Alhaj murka dan dukacita terhadap perbuatan menconteng mural pemimpin negara termasuk Datuk Dr Noor Hisham Abdullah di Taman Cahaya Alam, Seksyen U12 di sini.

Baginda bertitah contengan kata-kata kesat pada wajah Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah, Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, ketua pengarah kesihatan dan pemimpin lain sebagai perbuatan sangat biadab.

"Beta kesal dan kecewa kerana kejadian merosakkan hasil karya seni berlaku di negeri ini apatah lagi beta amat menghargai karya seni pelukis tempatan seumpamanya.

"Beta berpandangan kejadian ini bukan dilakukan oleh orang kurang siuman atau budak nakal tetapi lebih kepada bermotifkan politik kebencian," titah baginda pada 20 Julai.

Sultan Selangor turut berharap pelaku ditangkap segera dan dihadap ke muka pengadilan.

Perbuatan itu turut dikecam Dato'



Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari yang meminta pihak berkuasa mengambil tindakan tegas terhadap pihak terbabit.

Mural berkenaan dilukis Muhammad Suhaimi Ali, 27, Muhamad Firdaus Nor-din, 26 dan Abdul Hadi Ramli, 27.

Pada 10 Julai lalu, Yang di-Pertuan

Agong berkenan mencemar duli melawat mural tersebut diiringi Raja Permaisuri Agong Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah bersama anakanda baginda.

Dr Noor Hisham turut bergambar bersama mural mukanya dan menghargai hasil seni tempatan itu.

## Tiada telefon pintar? SMS ke SELangkah

**SHAH ALAM** - Sistem SELangkah (Langkah Masuk Dengan Selamat) bagi mengesan penjejukan kontak pesakit Covid-19 boleh digunakan individu yang tidak mempunyai telefon pintar, kata pengasasnya.

Dr Helmi Zakariah berkata mereka tidak perlu mengimbas kod QR sebaliknya hanya perlu menghantar data seperti nama dan nombor telefon menerusi sistem khidmat pesanan ringkas (SMS) apabila memasuki premis.

"Kita mewujudkan sistem SMS ekoran ada segelintir masyarakat tidak mempunyai telefon pintar. Justeru, apabila wujudnya sistem ini mereka tidak perlu menulis secara manual di kertas sebaliknya hanya ikuti panduan disediakan di poster SELangkah.

"Menariknya, mereka yang menggunakan sistem SMS itu tidak dikenakan caj kerana ia disokong dan ditaja penuh Telekom Malaysia," katanya.

## Logo baharu Media Selangor



**MediaSelangor**

**SHAH ALAM** - Penerbit SelangorKini dan TV Selangor sekarang dikenali Media Selangor Sdn Bhd setelah mendapat kelulusan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bulan ini.

Sebelumnya dikenali Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB), anak syarikat penuh Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) Selangor itu ditubuhkan lebih 11 tahun lalu sebagai media rasmi Kerajaan Negeri.

"Bersama perubahan nama syarikat ini, Media Selangor turut memperkenalkan logo baharu bagi menyeragamkan identiti syarikat.

"Usaha ini juga merupakan sebahagian penjenamaan semula syarikat untuk memberi nafas baharu kepada warga Media Selangor," kata Ketua Pegawai Eksekutif Mohamed Fareed Mohamed Ashaaree.

Selain akhbar mingguan SelangorKini dan portal TV Selangor, Media Selangor juga menerbitkan portal dan akhbar dalam bahasa Mandarin, Tamil dan Inggeris.

Selain perubahan nama syarikat, tambahnya, terbitan-terbitan Media Selangor akan menggunakan logo baharu masing-masing tidak lama lagi sebagai usaha mengukuhkan identiti syarikat.

## 'Pusing Selangor Dulu' dapat sambutan

# Subsidi baucar tarik pelancong domestik

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

**SHAH ALAM** - Subsidi baucar pelancongan kepada premis perhotelan, taman tema dan inap desa berlesen mampu menarik minat lebih ramai pelancong domestik ke negeri ini, kata pengurus besar Tourism Selangor.

Azrul Shah Mohamad berkata insentif bernilai RM2 juta diyakini dapat merealisasikan sasaran enam juta kunjungan

ke Selangor tahun ini bertepatan dengan visi 'Reset Tourism'.

"Kita menyambut baik pengumuman pemberian baucar pelancongan termasuk insentif kepada pemandu pelancong, hos komuniti dan pengusaha inap desa yang jelas membuktikan keprihatinan Kerajaan Negeri dalam membangunkan semula industri pelancongan.

"Saya yakin, sasaran baharu jumlah kedatangan pelancong ke Selangor dapat

dicapai dengan sebahagian besarnya disumbangkan pelancong domestik," katanya pada 18 Julai.

Dalam pada itu, beliau berkata kempen 'Pusing Selangor Dulu' yang memfokuskan pasaran pelancongan domestik semakin mendapat perhatian dan hebahan promosi akan diperhebatkan selain bekerjasama dengan penggiat industri bagi pembangunan pakej pelancongan baharu.

Penyelaras Inap Desa Sungai Haji Dorani berkata wang itu akan dimanfaatkan untuk membeli cecair pembasmi kuman dan pelitup muka bagi kegunaan kakitangan dan pelanggan.

"Bantuan ini membuktikan Kerajaan Selangor prihatin masalah dan beban rakyat. Wang ini juga membantu persediaan untuk memulakan beberapa program santai bagi menarik pelanggan," kata Abdul

Rahman Daud pada 16 Julai.

Pengurus Apple Hotel Shah Alam Mimi Syaquirah Rosli (**gambar**) pula berkata pemberian subsidi baucar pelancongan kepada hotel dapat menggalakkan lagi kehadiran pengunjung.

"Baucar ini akan menggiatkan kitaran ekonomi dan membantu meringankan beban pihak pengurusan dalam menjaga kebajikan pekerja dan kualiti perkhidmatan," katanya.

## Insentif RM1,000 lancar operasi

**SHAH ALAM** - Peruntukan Kerajaan Negeri RM2.6 juta kepada sektor pelancongan membolehkan penggerak industri bergiat semula selepas kelembapan ekonomi susulan wabak Covid-19.

Pakej pemulihan ekonomi Selangor memberi insentif RM1,000 seorang kepada pemandu pelancong, pengusaha inap desa dan hos masyarakat dengan peruntukan RM600,000.

Kerajaan Negeri menyediakan RM2 juta lagi sebagai subsidi baucar pelancongan untuk digunakan di hotel, taman tema dan premis inap desa.





# Sultan benarkan tambah jemaah ikut saiz masjid, surau

**SHAH ALAM** - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj membenarkan pertambahan bilangan jemaah solat Jumaat dan fardu mengikut kapasiti sebenar masjid dan surau mulai 17 Julai lalu.

Namun, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor Mohd Shahzihan Ahmad berkata ru-

ang solat perlu mematuhi penjarakan 1.5 meter selain jemaah perlu mendaftar dan mengikut giliran.

"Bagi solat fardu, kaedah kehadiran jemaah secara terbuka dibenarkan sehingga kapasiti sebenar ruang solat selepas penjarakan sosial 1.5 meter dipenuhi atau diisi," katanya pada 17 Julai.

Beliau menambah kehadiran jemaah wanita pula hanya dibenarkan di Masjid Diraja Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong dan Masjid Diraja Raja Haji Fi Sabilillah, Cyberjaya.

Sultan Selangor berkenan semua masjid dan surau dibuka semula mulai 3 Julai lalu untuk solat Jumaat dengan mematuhi tatacara operasi pi-

wai (SOP).

Awal bulan ini, solat Jumaat dan fardu berjemaah di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Masjid Tengku Ampuan Jemaah dan Masjid Diraja Raja Haji Fi Sabilillah ditetapkan 1,000 orang.

Kehadiran jemaah semua masjid lain pula ditetapkan maksimum 500 orang tertakluk

kapasiti rumah ibadat berke-

naan. Bagi surau yang ada kebenaran mengadakan solat Jumaat, bilangan maksimum 40 orang. Syarat sama terpakai untuk solat fardu berjemaah bagi surau lain. Jumlah tersebut tidak termasuk pegawai dan ahli jawatankuasa masjid atau surau.

**THE ESTANA**  
KOTA DAMANSARA

**32 Buah Villa Semi-D**  
Dikelilingi Dengan Kehijauan Rimba

EKSKLUSIF • KAWASAN TINGGI  
KEDIAMAN BERTANAH SERTA BERPENGAWAL

Unit bumiputera adalah terhad

Salah sebuah Pembangunan Bertanah terakhir di Kota Damansara....

Di dalam kawasan banglo Seksyen 9 Kota Damansara. Berada di kawasan anak bukit, yang memiliki pemandangan menghijau. Dikelilingi oleh Taman Rimba Komuniti Kota Damansara. Bersebelahan tasik Taman Rimba Riang.

Type A  
**ALMEYRA**  
3,800 - 4,200 kaki persegi  
4 + 1 Bilik

**SEBUAH RUMAH, DIDIAMI OLEH TIGA GENERASI, DIREKA UNTUK FLEKSIBILITI.**

Sebuah lagi projek yang dikendalikan oleh:  
**PRIMA PARAMOUNT GROUP**

Pemaju:  
**HARTAWAN MEGAJAYA SDN BHD** (946908-H)  
BO1-A-11-1 Menara 2, KL Eco City, No.3, Jalan Bangsar, 59200, Kuala Lumpur, Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, Sila Hubungi

**012-373 3631 | 012-302 2773 | 03-2202 3663**  
[www.theestana.com.my](http://www.theestana.com.my)

waze The Estana

No. Lesen Pemaju: 14311-1/06-2021/02437(L) • Tarikh Sah: 23/06/2020-22/06/2021 • No. Permit Pengiklanan & Jualan: 14311-06-2021/02437(P) • Tarikh Sah: 23/06/2020-22/06/2021 • Tempoh: Pajakan (99 Tahun - Tempoh Tamat 22/04/2103) • Tarikh Djangka Siap: Jun 2020 • Pihak Berkuasa Pelulus: Majlis Bandaraya Petaling Jaya • No. Rujukan: MBPJ/120100/T/PD/185/2017 • Bebanan Tanah: Tiada • Jenis Rumah: Rumah Semi-D Tiga Tingkat • Jumlah Unit: 32 • Harga Jualan: Min. RM2,577,100.00 • Maks. RM3,000,000.00 (7% Diskon untuk Bumiputera). Sekatan Keperluan: Tanah ini tidak boleh dipindah milik, dipajak atau didakwa kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri. Semua hak diperolehi oleh Prima Paramount Group. Semua ukuran adalah anggaran dan ilustrasi merupakan gambaran pelukis sahaja. Semua spesifikasi dan maklumat yang terkandung di sini juga tertakluk kepada pindaan mengikut keperluan pihak berkuasa dan/atau perunding projek Pemaju; oleh itu, ia tidak boleh membentuk sebarang kaitan atau membatalkan atau meniadakan sebarang kontrak jualan di antara Pemaju dan Pembeli.

Agar rakyat tidak terbeban

# Kekal tarif air negeri

OLEH AFIX REDZUAN

**SHAH ALAM** - Selangor senada dengan Putrajaya untuk tidak menaikkan tarif air ketika rakyat bergelut dengan pandemik Covid-19.

"Memang tiada hasrat naik tarif sepanjang Covid-19," kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pada 21 Julai.

Kenyataan tersebut mengulas jaminan Menteri Alam Sekitar dan Air Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man untuk tidak menaikkan tarif air dalam situ-

asi rakyat terbeban dengan keadaan ekonomi dan penularan wabak.

Sementara itu, Amirudin berkata pihaknya sudah menyerahkan pelan perniagaan dan kewangan kepada Pengurusan Aset Air Berhad serta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara.

Berhubung insiden tanah mendap di Jalan Klang-Banting, Amiruddin berkata Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan lanjut selepas menerima laporan lengkap.

# Putrajaya jamin tidak naik harga

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan memberikan jaminan tidak akan menaikkan tarif air dalam situasi rakyat terbeban dengan keadaan ekonomi dan situasi pandemik Covid-19 yang belum berakhir, tegas Menteri Alam Sekitar dan Air Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man.

Sebaliknya beliau berkata, kerajaan akan menanggung kos itu bagi memastikan rakyat terus selesa berdepan situasi kritikal ketika ini.

"Saya ingin tegaskan bahawa dalam situasi rakyat berdepan dengan bebanan ekonomi yang teruk dan pandemik Covid-19 yang masih belum selesai dan tekanan bebanan hidup, saya ingin beri jaminan kerajaan tidak akan menaikkan



tarif air dalam situasi rakyat masih terbeban ini.

"Kerajaan akan menanggung kos situasi susah sebagai kerajaan prihatin dengan tawaran (bantuan) pelbagai yang diberi, kita jamin rakyat tidak perlu risau dalam situasi kritikal ini," katanya pada, 21 Julai. - BERNAMA

Orang ramai mula abai tatacara operasi piawai

# Pertimbang wajib pakai pelitup muka

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

**SHAH ALAM** - Kerajaan sedang mempertimbang mewajibkan pemakaian pelitup muka di tempat awam, kata perdana menteri.

"Perincian mengenai perkara itu akan diumumkan apabila peraturan berkaitan dimuktamadkan kerajaan," kata Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam perutusan khas perkembangan terkini Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) pada 20 Julai.

Beliau turut menegur orang ramai yang dilihat semakin mengabaikan tatacara operasi piawai (SOP) terutama aspek pemakaian pelitup muka dan penjarakan sosial.

"Saya selalu berpesan supaya saudara-saudari semua elakkan berjabat tangan. Saya tengok sekarang bukan sa-



haja berjabat tangan malah berpeluk ketika berjumpa sahabat handai dan sanak-saudara.

"Ya, itu bagus untuk eratkan persahabatan dan persaudaraan tetapi jangan lupa kita masih berada dalam fasa pemulihan Covid-19, jadi amalan ini walaupun baik dari segi pergaulan sosial, namun tidak baik untuk mengelak dijangkiti virus," katanya.

Muhyiddin berkata sepanjang fasa PKPP, semua pihak adalah petugas hadapan yang perlu menasihati antara satu sama lain.

"Ibu bapa mesti sentiasa ingatkan anak-anak memakai pelitup muka ketika keluar dari rumah. Ingatkan mereka jaga penjarakan sosial, membasuh tangan, elakkan tempat sesak dan jangan berjabat tangan," katanya.

## Menteri: Wajib kuarantin di stesen

**SHAH ALAM** - Kerajaan memutuskan tiada lagi kuarantin wajib di rumah, sebaliknya mereka yang tiba dari luar negara perlu berbuat demikian di stesen ditetapkan mulai 24 Julai.

Menteri Kanan (Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata individu terbabit juga perlu menanggung kos selama 14 hari itu sepenuhnya.

"Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) bersama Kementerian Kesihatan akan mengenal pasti serta mewartakan insititit latihan awam atau hotel bersesuaian sebagai stesen kuarantin.

"Susulan keputusan ini, rakyat Malaysia yang ingin pulang ke Malaysia tidak lagi diwajibkan menjalani ujian saringan Covid-19 di negara asal dalam tempoh tiga hari sebelum tarikh penerbangan, namun bagi warga asing mereka perlu membuat saringan terbabit," katanya pada 21 Julai.

Pada 10 Jun lalu, kerajaan mengarahkan rakyat yang pulang dari luar negara menjalani kuarantin wajib di rumah masing-masing, bukan di pusat yang ditetapkan.

Ismail turut kesal dengan kes tular pesakit di bawah pengawasan Covid-19 yang didakwa mengingkari arahan dan makan di sebuah restoran di Meru Raya, Ipoh.

## Harga dijangka turun

**SHAH ALAM** - Harga siling runcit pelitup muka diturunkan 20 peratus kepada RM1.20 sekeping mulai 15 Ogos, kata menteri perdagangan dalam negeri dan hal ehwal pengguna.

Penurunan daripada RM1.50 sekeping selaras langkah menimbang keperluan mewajibkan pelitup muka di tempat awam kerana ancaman Covid-19 yang belum berakhir, lapor Berita Harian pada 22 Julai.

Datuk Alexander Nanta Linggi berkata kementerianya memantau pengeluaran dan pengedaran alat perlindungan itu yang dikeluarkan di laman kilang bagi me-

mastikan bekalannya cukup.

"Sejak April hingga Jun lalu, sebanyak 58.23 juta pelitup muka dikeluarkan kilang tempatan. Daripada jumlah itu, 49.88 juta sudah diedarkan untuk jualan dalam negara.

"Jumlah itu ditambah dengan pelitup muka yang diimport. Jadi soal bekalan memang tidak ada masalah pada masa ini," katanya.

Sebelum penularan wabak, pelitup muka dijual 80 sen sekeping tetapi harganya meningkat susulan permintaan tinggi sejak Mac lalu.

## Polis setuju pemandu mabuk dipenjara 200 ta-

**KUALA LUMPUR** - Ketua polis negara menyifatkan cadangan kerajaan untuk menaikkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda maksimum RM150,000 dalam kes melibatkan pemandu mabuk adalah memadai.

Tan Sri Abdul Hamid Bador berkata pihaknya pernah mencadangkan agar hukuman penjara mandatori dikenakan terhadap kelompok berkenaan bagi mengurangkan kes kemalangan melibatkan pemandu mabuk di negara ini.

"Sekiranya Parlimen meluluskan pindaan ke atas Akta Pengangkutan Jalan 1987 itu yang membabitkan peningkatan jumlah denda dan tempoh hukuman

penjara, saya amat mengalu-alukan," katanya di Bukit Aman pada 17 Julai.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Wee Ka Siong dilaporkan berkata kerajaan akan mengusulkan agar pemandu mabuk dikenakan hukuman lebih berat iaitu penjara maksimum 20 tahun dan denda sehingga RM150,000 menerusi pindaan akta berkenaan.

Wee berkata pindaan juga mencadangkan mereka yang disabitkan kesalahan boleh digantung lesen memandu sehingga 20 tahun. Pindaan akta itu dijadualkan dibentang pada persidangan Parlimen tidak lama lagi.

- BERNAMA



• Soho Baharu Di Bandar Sunway  
• Keluasan Binaan dari 463kps ke 1,445kps  
• 10% + 10% (Bumi) Diskaun



Harga Daripada

# RM466,350\*

\*Tertakluk pada Terma dan Syarat

016 369 9268 012 705 8350



**Union Suites Sales Gallery**

PEMAJU  
Symphony Union Suites Sdn. Bhd. 31706-X  
Lot 01-03, Tingkat 3, Menara Symphony, No. 5, Jalan Prof Khoo Kay Kim, Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

KONSEP TERUNGGUL DARIPADA



PEMAJU: Symphony Union Suites Sdn. Bhd. (31706-X) - Alamat Pemasu: Lot 01-03, Tingkat 3, Menara Symphony, No. 5, Jalan Prof Khoo Kay Kim, Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia • No. Tel: 03-7688 1888 • Lesen Pemasu: 34673-1/03-2021/01669(L) • Tempoh Sah: 17/03/2020 - 16/03/2021 • Permis Kilan dan Jualan: 34673-1/03-2021/01669(P) • Tempoh Sah: 17/03/2020 - 16/03/2021 • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Subang Jaya • Tarikh Jangka Saup: Disember 2020 • Hak Milik: Tanah: Pajakan 99 Tahun (15.02/2115) • Sekatan sekatan kepentingan: Tanah ini boleh dipindah milik, dipajak atau digadai setelah mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri • Bebanan Tanah: Public Bank Berhad • No. Kelulusan Pelan Bangunan: MPSJ.BGN.BPL.600-1/10/5/18(L) • Jenis Kediaman: Soho • Jumlah Unit: 3 Blok, 42 Tingkat, 626 Unit (172 Unit Baki Belum Dijual) • Harga Jualan: RM588,330 (Min) - RM1,658,120 (Maks) • Binaan Dalam: Jenis A dan A1 - 450 kps; Jenis B - 657 kps; Jenis B1 - 667 kps; Jenis C - 807 kps; Jenis D - 1,281 kps; Jenis E - 1,141 kps; Jenis F - 1,335 kps; Jenis F1 - 1,399 kps • 7% Diskaun Bumiputera • IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA • Semua maklumat yang terkandung di sini (termasuk spesifikasi, ukuran pelan dan ilustrasi) adalah tertakluk kepada pindaan, variasi dan perubahan tanpa pemberitahuan sebagaimana yang mungkin diperlukan oleh pihak berkuasa berkaitan atau perunding pemasu, dan ia tidak bertujuan untuk membentuk dan tidak boleh membentuk sebarang daripada tawaran dan kontrak. Walaupun semua langkah yang sewajarnya telah diambil semasa penyediaan maklumat ini, pemaui tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas sebarang perancangan atau ketidakpastian.



## 36.9 peratus murid tiada kemudahan

**KUALALUMPUR**-Kira-kira 36.9 peratus daripada 893,331 murid didapati tidak mempunyai sebarang peranti untuk mengikuti sesi pembelajaran guru melalui kaedah dalam talian di rumah.

Kajian Kesediaan Murid dalam Pembelajaran Secara dalam Talian mendapati enam peratus murid mempunyai komputer peribadi, 9.3 peratus (komputer riba), 5.8 peratus (tablet) dan 46.5 peratus (telefon pintar).

"Namun, ada 36.9 peratus murid tidak mempunyai sebarang peranti bagi membolehkan mereka mengikuti pembelajaran secara dalam talian," kata Menteri Kanan (Pendidikan) Dr Mohd Radzi Jidin di Dewan Rakyat pada 22 Julai.

Beliau memberi jawapan bertulis kepada soalan wakil Jempol Datuk Mohd Salim Sharif berhubung persiapan murid luar bandar belajar dalam talian, lapor Berita Harian.

Kajian itu yang membabitkan 670,118 ibu bapa dijalankan antara 28 Mac hingga 2 April lalu.

Dr Mohd Radzi berkata wujud jurang digital dalam kalangan murid luar bandar untuk mengikuti pembelajaran sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.

## Elak cukai antara 2011 hingga 2017

# Najib diarah bayar RM1.69 bilion

**KUALA LUMPUR** - Bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak perlu membayar RM1.69 bilion kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sebagai cukai yang tidak dibayar sejak 2011 hingga 2017.

Ia selepas Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Ahmad Bache hari ini membenarkan permohonan penghakiman terus LHDN dikenakan terhadap Najib.

Penghakiman terus ialah apabila mahkamah memutuskan kes tertentu melalui hujahan tanpa mendengar keterangan saksi dalam perbicaraan.

Ahmad berkata apabila notis taksiran cukai LHDN yang memerlukan pembayaran dibuat kepada lembaga itu dikeluarkan terhadap pembayar cukai, mereka

perlu membayar jumlah yang dituntut, termasuk bekas perdana menteri, kerana semua orang adalah sama di sisi undang-undang.

Beliau juga berkata Najib perlu membayar jumlah yang dituntut oleh LHDN sebagai "hutang" kepada kerajaan.

Dengan memetik satu penghakiman Mahkamah Persekutuan, hakim itu berkata peruntukan yang ditekan oleh Mahkamah Persekutuan "bayar dahulu, bincang kemudian" walaupun keras, namun ia adalah peruntukan yang memang sengaja ditetapkan oleh perundangan, disebabkan banyak insiden mengelak bayar cukai dalam negara.

Bagaimanapun Najib masih boleh me-

rayu jumlah itu kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (SCIT).

Pada 25 Jun 2019, kerajaan menerusi LHDN, menyaman Ahli Parlimen Pekan itu dan menuntut beliau membayar RM1.69 bilion bagi cukai pendapatan yang belum dibayar, kadar faedah lima peratus setahun dari tarikh penghakiman, kos dan relief lain yang difikirkan sesuai oleh mahkamah.

Pada 6 Julai lalu pula Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Ahmad Zaidi Ibrahim membenarkan permohonan LHDN untuk penghakiman terus dalam saman mereka terhadap anak lelaki Najib, Datuk Mohd Nazifuddin, yang menuntut beliau membayar RM37.6 juta tunggakan cukai dari 2011 hingga 2017. - BERNAMA

## PM disaran tubuh RCI Tabung Haji

**SHAH ALAM** - Ketua pembangkang menggesa perdana menteri mempertimbangkan cadangan mewujudkan suruhanjaya siasatan diraja (RCI) bagi menyiasat dakwaan salah laku pengurusan Lembaga Tabung Haji (TH) yang lepas.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata Tan Sri Muhyiddin Yassin antara anggota jemaah menteri ketika cadangan berkenaan mula disuarakan sewaktu pemerintahan Pakatan Harapan (PAKATAN) antara Mei 2018 sehingga Februari lalu.

"Sekiranya tidak ada yang mempertikai dan mempersoalkan kebenaran kenyataan tentang suntikan terpaksa dibuat Kerajaan Pakatan Harapan begitu, maka boleh di-

buat satu siasatan yang bebas.

"Ini mungkin akan meleraikan keadaan kerana ini menimbulkan sebegitu hangat perbincangan dan juga kebimbangan. Saya rasa satu bebanan kepada rakyat terutama yang berikhtiar dan ikhlas menabung untuk menunaikan fardu haji.

"Saya secara peribadi tidak ada halangan, malah memilih minta perdana menteri memberikan pertimbangan. Akan tetapi, yang penting bukan siasat.

"Apa yang penting adalah tindakan tegas untuk membetulkan dan mengukum orang-orang yang menyalahgunakan kuasa," katanya pada persidangan Dewan Rakyat pada 14 Julai.

## 32.7 juta rakyat pada 2020

**PUTRAJAYA** - Penduduk Malaysia tahun ini dianggarkan berjumlah 32.7 juta orang berbanding 32.5 juta pada 2019 dengan kadar pertumbuhan penduduk tahunan sebanyak 0.4 peratus, menurut penerbitan Anggaran Penduduk Semasa Malaysia 2020.

Mengulas mengenai penerbitan itu, Ketua Perangkawan Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata penurunan kadar pertumbuhan penduduk itu disebabkan oleh pengurangan bilangan penduduk bukan warganegara daripada 3.1 juta tahun lepas kepada 3.0 juta pada 2020.

"Ini selaras dengan penutupan sempadan kita dan pergerakan pulang warga asing ke negara masing-masing berikutan Perintah Kawalan Pergerakan akibat penyebaran pandemik Covid-19 di seluruh dunia," katanya pada 15 Julai.

Mohd Uzir berkata kadar pertumbuhan warganegara kekal stabil pada 1.1 peratus dengan jumlah penduduk meningkat daripada 29.4 juta pada 2019 kepada 29.7 juta tahun ini.

Tahun ini, beliau berkata penduduk lelaki melebihi jumlah perempuan dengan masing-masing sebanyak 16.8 juta dan 15.9 juta, dan nisbah jantina adalah 106 lelaki bagi setiap 100 perempuan.

Mohd Uzir berkata penerbitan itu juga melaporkan bahawa peratus penduduk berusia 0 hingga 14 tahun (umur muda) menurun kepada 23.3 peratus berbanding 23.5 peratus pada 2019.

"Peratus keseluruhan bagi penduduk 15 hingga 64 tahun (umur bekerja) juga menurun daripada 69.8 peratus pada 2019 kepada 69.7 peratus pada 2020," katanya. - BERNAMA



RIMBAYU  
IJM LAND

UNIT BUMIPUTERA DAN RUMAH CONTOH SEDIA DIKUNJUNGI

### Kediaman

SWANS 22' x 70' (Dalam pembinaan)  
LIVIA 20' x 60' | 20' x 65' (Siap dibina dan memperolehi CCC)

### Komersial

BLOSSOM DRIVE 25' x 60' (Siap dibina dan memperolehi CCC)  
BLOSSOM SQUARE 25' x 70' | 25' x 75' | 22' x 70' | 22' x 75' (Siap dibina dan memperolehi CCC)

### WAZE GALERI JUALAN BANDAR RIMBAYU

BANDAR RIMBAYU SDN BHD (568093-K)  
No.1, Jalan Flora 3, Bandar Rimbayu,  
42500 Telok Panglima Garang, Selangor Darul Ehsan

Isnin - Jumaat : 9pg - 5ptg  
Sabtu, Ahad & Cuti Umum : 10pg - 5ptg

1800 22 8686

SWANS (Phase 11a) Nama Pemaju: Bandar Rimbayu Sdn Bhd (568093-K) No.1, Jalan Flora 3, Bandar Rimbayu, 42500 Telok Panglima Garang, Selangor. • No. Lesen Pemaju: 12392-14/01-2021/27(L) Tempoh Sah: 09/01/2019 hingga 08/01/2021 • No. Permit Jualan dan Pengiklanan: 12392-14/01-2021/27(P) Tempoh Sah: 09/01/2019 hingga 08/01/2021 • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Daerah Kuala Langat - No. Kelulusan Pelan Bangunan: MDKL/JKB/2/4/1253. • Beban Tanah: Dicap kepada RHB Bank Bhd. Hak Milik Tanah: Pajakan 99 tahun (Tarikh Perlepasan: 23/12/211). • Tarikh Jangka Siap: April 2021. • Diskaun Bumiputera: 7%. • Jenis Kediaman: Rumah Teres Dua Tingkat (22' x 70'). • Jumlah Unit: 84 unit. • Harga Jualan: RM1,095,800 (Minima), RM1,655,800 (Maksima). • Sekatan-Sekatan Penting: Tanah ini boleh dipindah milik, dipajak atau digadai setelah mendapat kebenaran pihak berkuasa negeri. (Phase 11b) Nama Pemaju: Bandar Rimbayu Sdn Bhd (568093-K) No.1, Jalan Flora 3, Bandar Rimbayu, 42500 Telok Panglima Garang, Selangor. • No. Lesen Pemaju: 12392-15/04-2021/0383(L) Tempoh Sah: 25/04/2019 hingga 24/04/2021 • No. Permit Jualan dan Pengiklanan: 12392-15/04-2021/0383(P) Tempoh Sah: 25/04/2019 hingga 24/04/2021 • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Daerah Kuala Langat - No. Kelulusan Pelan Bangunan: MDKL/JKB/2/4/1253. • Beban Tanah: Dicap kepada RHB Bank Bhd. Hak Milik Tanah: Pajakan 99 tahun (Tarikh Perlepasan: 23/12/211). • Tarikh Jangka Siap: October 2021. • Diskaun Bumiputera: 7%. • Jenis Kediaman: Rumah Teres Dua Tingkat (22' x 70'). • Jumlah Unit: 111 unit. • Harga Jualan: RM1,095,800 (Minima), RM1,706,800 (Maksima). • Sekatan-Sekatan Penting: Tanah ini boleh dipindah milik, dipajak atau digadai setelah mendapat kebenaran pihak berkuasa negeri. IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA



1,000 tong dram sisa toksik di Klang

# Amaran rampas tanah

OLEH NADIAH ZAMLUS

**SHAH ALAM** - Kegagalan pemilik tapak pembuangan haram di Jalan Sijangkang Utama, Johan Setia di Klang mematuhi arahan pembersihan sisa toksik yang ditemui boleh menyebabkan tanah berkenaan dirampas.

EXCO Alam Sekitar Hee Loy Sian berkata tindakan akan dibuat sekiranya pemilik tidak mematuhi notis 7A yang mengkehendaki kerja pembersihan dilakukan susulan penemuan 1,000 tong dram disyaki mengandungi sisa toksik di lokasi itu.

"Kita sudah kenal pasti status tapak itu yang melanggar syarat guna tanah kerana hak milik berstatus pertanian. Jika pemiliknya terus berdegil, kita akan keluar notis 7B iaitu rampasan tanah," katanya pada 16 Julai.

Beliau berkata kegiatan menanam sisa kimia secara haram dipercayai bermula sejak Mac lalu ketika Perintah Kawalan Pergerakan menyebabkan ia tidak disedari pihak berkuasa, selain di kawasan itu kerap berlaku pembakaran terbuka.

"Kerajaan Negeri berbincang bersa-



**Menteri Alam Sekitar dan Air Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man (dua, kanan) menunjukkan gambar tapak haram pembuangan sisa toksik dan bahan terdajual berbahaya di Jalan Sijangkang Utama, Klang pada 15 Julai. Turut hadir Hee Loy Sian (kanan). Foto BERNAMA**

ma agensi bertanggungjawab untuk melakukan kerja pembersihan kerana bimbang sisa kimia ini akan menyebabkan letupan," katanya, menjelaskan kosnya mungkin menelan RM2 juta.

Pencemaran itu dikesan Jabatan Alam Sekitar yang melakukan peman-tauan menggunakan dron sejak sebulan lalu selepas menemui longgokan tanah berubah warna.

## Anwar minta perinci data wabak

**SHAH ALAM** - Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta Kerajaan Persekutuan memberi lebih penjelasan mengenai kadar jangkitan Covid-19 yang rendah berbanding Australia dan Kanada.

Sambil memuji Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang memberi maklumat harian penularan virus berkenaan, ketua pembangkang berkata fakta itu harus nyata dan bukan disembunyikan.

"Jumlah jangkitan Covid-19 agak rendah dan membanggakan. Dari segi umum, peranan KKM terutama penjawat awam juga membanggakan. Kita juga nampak tindakan segera malah pengumuman harian beri rakyat lega, beri peringatan penjarakan sosial tapi kena tekankan adakah jumlah ini 'real

(benar)?

"Kalau bandingkan tiga negara yang mempunyai jumlah penduduk lebih kurang sama, Malaysia, Australia dan Kanada, keupayaan kita terlalu rendah (iaitu) hanya 0.18 peratus daripada 1,000 orang. Australia 1.98 peratus manakala Kanada 1.03 peratus," katanya dalam perbahasan di Dewan Rakyat, 15 Julai lalu.

Selain itu, presiden Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) meminta pakar KKM meneliti semula kaedah saringan serta alatan digunakan agar keputusan tepat.

"Saya tidak pakar tapi daripada maklumat diterima, kajian kaedah uji-



an kita gunakan ada pertikaian berbanding digunakan di Sarawak jauh lebih berkesan," katanya lagi.

Beliau mendakwa ada kes negatif ketika saringan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur berdasarkan ujian tindak balas berantai polimerase transkripsi berbalik masa nyata (rRT-PCR) tetapi positif apabila pemeriksaan semula dibuat ketika mendarat di Kuching, Sarawak.

Ahli parlimen Port Dickson turut merakam penghargaan kepada petugas barisan hadapan yang bertungkus lumus memerangi pandemik itu.

Ahli parlimen Port Dickson turut merakam penghargaan kepada petugas barisan hadapan yang bertungkus lumus memerangi pandemik itu.

## Kekalkan kerusi KEADILAN di Ampang

**AMPANG** - Cabang KEADILAN Ampang perlu mempertahankan mandat rakyat sejak tiga pilihan raya umum lalu biarpun kehilangan dua wakil rakyat termasuk ahli parlimennya.

Pengerusi Majlis Pimpinan Keadilan Selangor berkata usaha membubarkan cabang itu susulan pengkhianatan wakil rakyat berkenaan tidak berjaya

selepas sesi penerangan kepada anggota parti dan pemimpin akar umbi diadakan.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata ramai ahli kekal setia walaupun ada pemimpin berpengaruh mengkhianati dan menjatuhkan kerajaan sendiri seterusnya menubuhkan kerajaan baharu bersama kleptokrat.

"Namun, tiada satu cabang pun

di Selangor yang terbuang daripada episod pengkhianatan ini sebaliknya kekal dipertahankan," katanya pada 19 Julai.

Beliau berkata parti perlu bekerja kuat memastikan kekal dan terus relevan membawa suara rakyat yang mahu perubahan dalam pilihan raya selaras perjuangan KEADILAN membawa agenda reformasi.

## MP dilarang guna hasutan, perkauman

**KUALA LUMPUR** - Semua ahli Dewan Rakyat diingatkan agar tidak menggunakan perkataan berbau hasutan, rasis, biadab dan seksis sepanjang persidangan berlangsung.

Yang Dipertuanya Datuk Azhar Azizan Harun berkata beliau dan timbalannya akan mengambil tindakan berlandaskan Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat sekiranya perkataan sedemikian masih digunakan oleh ahli parlimen.

Azhar berkata beliau mengadakan perjumpaan dengan wakil whip parti pada 21 Julai bagi membincangkan perkara itu dan semua yang hadir menyatakan komitmen dalam memastikan perkataan berbentuk hasutan, rasis, biadab dan seksis tidak digunakan.

"Adalah diharapkan semua ahli-ahli Yang Berhormat memberi komitmen sama demi menjamin perjalanan dewan yang berkualiti dan beradab sopan," katanya. - BERNAMA

## LAKSANA mohon maaf silap maklumat

**KUALA LUMPUR** - Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA) mengambil tanggungjawab atas kesilapan maklumat mengenai inisiatif PRIHATIN dan PENJANA dalam perutusan khas Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengenai perkembangan terkini Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) pada 20 Julai.

Dalam satu kenyataan, Kementerian Kewangan (MoF) berkata maklumat berkenaan disediakan oleh pihak LAKSANA di bawah Kementerian itu.

"Dengan rendah diri pihak kami ingin memohon maaf di atas kesilapan yang tidak disengajakan," kata MoF pada 21 Julai.

Pihaknya akan memastikan segala maklumat dipanjangkan kepada Pejabat Perdana Menteri pada masa depan akan disemak dengan teliti supaya tidak berlaku kesilapan. - BERNAMA

## Kes wabak naik, rakyat mula abai SOP

**SHAH ALAM** - Bilangan kes harian Covid-19 yang kembali meningkat membabitkan penularan tempatan kebelakangan ini membimbangkan, kata ketua pengarah kesihatan.

Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata rekod tersebut menunjukkan masyarakat mula leka serta tidak mematuhi tatacara operasi piawai (SOP) ditetapkan.

"Jumlah kes aktif menurun kepada 63 kes pada 9 Julai, namun melebihi 100 kes pada 19 Julai dan hari ini cecah 130 kes," katanya pada 21 Julai.

Sehingga kini, sebanyak 19 kluster masih aktif dengan 13 kluster baharu diumumkan dalam tempoh 10 hari. Sembilan daripada kluster baharu merupakan penularan tempatan yang tidak berkait dengan kes import.



PM Thailand mohon maaf susulan kes import

# Kelonggaran kuarantin ditarik



**Doktor dan petugas kesehatan memakai sut perlindungan diri menunjukkan proses saringan Covid-19 di Lapangan Terbang Antarabangsa Suvarnabhumi, Bangkok bagi memutuskan rantai wabak itu di Thailand pada 3 Jun lalu. Foto Reuters**

**BANGKOK** - Thailand mengetatkan lagi peraturan bagi warga asing yang ingin memasuki negara itu susulan kemunculan dua kes import Covid-19 yang mencetuskan kebimbangan kewujudkan gelombang baharu.

Kebimbangan mulai terasa selepas seorang petugas tentera Mesir berumur 45 tahun dan seorang kanak-kanak berumur sembilan tahun yang merupakan anggota keluarga diplomat Sudan, disahkan positif Covid-19.

Jurucakap Pusat Pentadbiran Keadaan Covid-19 Thailand (CCSA) Thaweesilp Wisanuyothin berkata semua diplomat dan anggota keluarga mereka yang sebelum ini dibenarkan menjalani tempoh kuarantin sendiri selama 14 hari di kediaman masing-masing, kini dikehendaki menjalani tempoh kuarantin di kemudahan disediakan kerajaan atau kuarantin alternatif (bayaran sendiri di hotel).

"CCSA mengambil tanggungjawab penuh terhadap insiden itu. Banyak perkara yang kita terlepas pandang. Ini adalah pengajaran yang penting," katanya pada 15 Julai lalu.

Sementara itu Perdana Menteri Jen Prayuth Chan o-cha yang juga ketua CCSA berkata insiden itu tidak seharusnya berlaku dan beliau memohon maaf kepada orang ramai.

"Saya mohon maaf kepada orang ramai. Perkara ini tidak seharusnya berlaku, siasatan menyeluruh akan dijalankan," katanya. - BERNAMA

## Singapura selaras sekatan sempadan tiga kawasan

**SINGAPURA** - Singapura sedang membuat pelarasan sekatan sempadannya bersesuaian dengan situasi Covid-19 di negara lain dan risiko kes jangkitan import, menurut Pasukan Petugas Pelbagai Kementerian mengenai Covid-19 republik itu.

Pelawat tiba di Singapura selepas 11.59 malam, 19 Julai lalu dan mempunyai sejarah perjalanan termasuk transit di Victoria, Australia, Jepun dan Hong Kong perlu menjalani Notis Jangan Keluar Rumah (SHN) di tempat kemudahan yang disediakan dan bukan di kediaman mereka.

Pengerusi bersama pasukan petugas itu, Lawrence Wong berkata mereka perlu mengambil ujian Covid-19 sebelum mengakhiri SHN.

Katanya, semua pelawat yang meninggalkan Singapura dari 27 Mac lalu walaupun terdapat nasihat perjalanan, dan pelancong yang bukan warga Singapura atau penduduk tetap diwajibkan membayar kos penginapan di kemudahan SHN yang ditetapkan itu.

"Ini adalah perubahan sedang kami laksanakan. Saya fikir ia bukanlah sesuatu

**Ini adalah perubahan sedang kami laksanakan. Saya fikir ia bukanlah sesuatu yang baharu kerana kerajaan telah berulang kali menekankan langkah sekatan sempadan Singapura tidak statik**

### LAWRENCE WONG

Pengerusi Pasukan Petugas Pelbagai Kementerian

yang baharu kerana kerajaan telah berulang kali menekankan langkah sekatan sempadan Singapura tidak statik

"Kami terus mengkaji semula dan mengemas kininya berdasarkan penilaian kami mengenai keadaan penularan virus di pelbagai negara di seluruh dunia," kata katanya yang juga Menteri Pembangunan Negara pada 18 Julai. - BERNAMA

VILLA HEIGHTS 2  
TAMAN EQUINE

Rumah Berkembar 2 Tingkat  
UNIT TERHAD



gambaran artis sahaja

4+1  
Bilik Tidur

Keluasan Binaan  
3,485 k.p.s.

Keluasan Tanah  
50'x70'

UNIT BUMIPUTERA UNTUK DIJUAL

Global Oriental

www.gob.com.my 03-8945 7878

Pemaju: Taman Equine (M) Sdn Bhd (240534-A) | No. Lesen Pemaju: 6839-14/03-2021/01864(L) | No. Permit Pengiklanan: 6839-14/03-2021/01864(P) | Tempoh Sah: 11/03/2021 | Pegangan Tanah: Pajakan 99 hingga 07 Ogos 2115 | Sekatan Kepentingan: Tanah yang diberi milik ini tidak boleh dipindah milik, dipajak atau digadai melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri | Bebanan Tanah: Ambank (M) Berhad | Pihak Berkuasa Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Perbandaran Subang Jaya | No Rujukan: MPSJ/BGN/KW/C-9/74JLD2 | Jangkamasa Siap: Ogos 2020 (Fasa 2) | Rumah Berkembar Dua Tingkat - Jenis S & S1 | Jumlah Unit: 42 unit | Harga: RM1,735,000.00 (Min) RM2,037,000.00 (Maks) Rumah Sesebuah - Jenis A | Jumlah Unit: 1 unit | Harga: RM3,829,000.00 (Min) RM3,829,000.00 (Maks) | Diskaun Bumi: 7%

Disclaimer: The information contained in this advertisement is subject to change and cannot form part of an offer or contract. All renderings are artist's impression only. All measurements are approximate. While every reasonable care has been taken in preparing this advertisement, the developer cannot be held responsible for any inaccuracy. All the above items are subject to variations, modifications and substitutions as may be required by the Authorities or recommended by the Architect or Engineer.

**Hilang pemain terkenal, pasukan tetap utuh**

# Bingkas, cekal resipi Liverpool



**P**erlawanan keempat Piala FA pada Januari 1997, Liverpool berhadapan dengan Chelsea untuk mara ke pusingan seterusnya.

Hanya 21 minit di separuh masa pertama, Robbie Fowler dan Stan Collymore mencetak gol sekali gus meletakkan Liverpool di hadapan dengan kelebihan 2-0.

Namun, pada separuh masa kedua impak duo Itali di Chelsea Gianfranco Zola dan Gianluca Vialli selain sumbangan pemain senior Mark Hughes telah menjadikan Chelsea menang 4-2.

Waktu itu, Liverpool berada di tangga pertama dalam kedudukan Liga Perdana Inggeris dan dalam landasan untuk menang piala pertama setelah kemarau kejuaraan tujuh tahun. Dan, selepas kalah kepada Chelsea dalam pertarungan Piala FA itu, Liverpool tersungkur, akhirnya hanya berjaya menduduki tangga keempat dalam musim itu.

Meskipun begitu, hari ini (22 Julai 2020), Chelsea mengunungi Anfield dengan keadaan yang berbeza; berbaris 'guard of honour' sebagai tanda penghormatan kepada pemenang Liga Perdana Inggeris setelah 30 tahun gagal mendakap kejuaraan liga.

## Jalan berliku

Menjengah sejarah 30 tahun, banyak juga peluang yang hampir-hampir Liverpool memenangi semula Liga Perdana Inggeris. Antara yang paling diingati pada musim 2013/2014 tatkala legenda moden Liverpool Steven Gerard tersilap menampar bola dan terjatuh membolehkan Demba Ba jaringan gol sebelum ia berakhir dengan 2-0 memihak kepada Chelsea, menutup 16 kemenangan berturut-turut, dan akhirnya Manchester City dinobatkan juara meninggalkan Liverpool dengan kelebihan dua mata.

Selain 1997, kemasukan Gerard Houllier pada tahun kemudiannya untuk berkongsi tanggungjawab pengurusan bersama Roy Evans juga tidak membuahkan hasil.

Kemudian, Rafael Benitez memimpin Liverpool di luar padang pada waktu Steven Gerrard yang dikenali sebagai Captain Fantastic memimpin Liverpool di atas padang.

Benitez berjaya membawa pulang piala Liga Juara-juara Eropah pada 2005, 21 tahun setelah Liverpool menang piala sama yang sebelum itu dikenali sebagai 'European Cup'.

Pasukan itu yang mempunyai bintang seperti Xabi Alonso, Jamie Carragher dan kemudiannya Fernando Torres mampu bertarung dengan pasukan-pasukan elit

seperti AC Milan dan Real Madrid.

Namun, kejayaan di tanah air sendiri belum mampu dicapai Liverpool.

Sesudah Torres meninggalkan Liverpool, pemain muda yang hebat seperti Luis Suarez dan Philippe Coutinho mengambil tempatnya untuk memberi nafas baharu kepada perjuangan Liverpool untuk kembali sebagai juara di England.

Pelatih seperti Brendan Rodgers, Roy Hodgson dan wira Liverpool Sir Kenny Dalglish telah mencuba pelbagai cara namun tidak kesampaian.

Pada 2014, Barcelona datang mempelawa Suarez yang pada masa itu menjadi 'figurehead' di Liverpool, sama seperti pengulangan episod hilangnya penyerang prolifik Michael Owen yang meninggalkan Liverpool untuk ke Real Madrid sepuluh tahun sebelum itu.

Ramai penyokong resah dan berpandangan bahawa Liverpool tidak seharusnya menjadi 'feeder club' kepada pasukan-pasukan besar.

Kemudian, masuk seorang pelatih Jerman bernama Jurgen Norbert Klopp pada 2015.

Beliau seorang jurulatih yang tidak mementingkan taraf seorang pemain tetapi meletakkan fokus kepada kerja berpasukan dan berjaya meraih sokongan daripada seluruh bandar Liverpool yang kebanyakannya bekerja dalam industri pelabuhan.

## Semangat setiakawan

Semangat berpasukan dan setiakawan yang disemai oleh Klopp berjaya merawat luka akibat kehilangan pemain seperti Suarez dan Coutinho, namun diganti

dengan pemain seperti Sadio Mane, Virgil Van Dijk dan Mohamad Salah.

Mereka ini datang dari pasukan kecil tetapi mempunyai hala tuju yang sama; "konsep wira atau bintang tidak akan berjaya. Kita harus berjaya sebagai satu pasukan kerana walaupun klise, sukan bolasepak adalah sukan berpasukan, bukan individu".

Itulah antara sebab saya telah lama mengikuti Liverpool sebab pasukan ini berbeza dengan yang lain. Liverpool bangun hasil titik peluh rakyat biasa dan bukan dengan duit syarikat gergasi seperti pasukan-pasukan lain.

Begitu juga saya melihat lensa politik negara yang sedang kita hadapi.

Suatu ketika dahulu, parti saya yang pada waktu itu masih bernama Parti Keadilan Nasional hanya memperoleh satu wakil rakyat selepas pilihan raya umum ke-10; mantan presiden kita Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail.

Selepas 19 tahun, Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) berjaya menduduki kerusi timbalan perdana menteri dan menjadi parti terbesar dalam kerajaan.

Pembaharuan institusi yang kita telah dibawa bersama rakan seperjuangan dalam Pakatan Rakyat dan Pakatan Harapan pada peringkat negeri mula dilihat dalam Kerajaan Persekutuan.

Kini, tidak dapat dinafikan bahawa KEADILAN telah kehilangan sekumpulan besar ahli dan pemimpin yang telah membantu menubuhkan parti ini dan berjuang bersama kita.

## Kekuatan kolektif

Namun, parti politik dan pasukan bola

sepak mempunyai titik persamaan dari segi konsepnya yang berteraskan semangat setiakawan dan kekuatan kolektif yang dibina atas kekuatan individu masing-masing.

Saat ini mungkin ada kawan-kawan yang sedang tertanya apakah masa hadapan kita setelah berlaku episod yang kurang menyenangkan pada tahun ini.

Adakah kita mampu menguatkan semula parti kita? Bagaimana harus kita membina semula kepercayaan rakyat kepada kita? Mampukah kita meyakinkan generasi muda bahawa KEADILAN dan Pakatan Harapan mampu merealisasikan harapan rakyat supaya potensi luas negara kita dapat dicapai?

Soalan-soalan ini sudah pasti tertanya-tanya dalam kalangan kita dan ia tidak salah kerana dengan adanya renungan sebegini, dapat kita kembali kepada asal-muasal harapan dan iltizam parti dan perjuangan kita.

Ternyata masa hadapan parti kita akan jadi lebih cerah dan berjaya jika kita dapat belajar daripada sejarah dan menguatkan iltizam supaya idealisme kita menjadi panduan kepada segala yang kita lakukan.

Jika semangat setiakawan kita terus kukuh, saya yakin parti kesayangan saya dapat meraih kejayaan seperti pasukan kegemaran saya Liverpool.

Dan begitu juga pendekatan Selangor menggempur wabak Covid-19, begitu jugalah Liverpool mengajar saya bahawa kesabaran, kerja keras dan menjadi "team player" sangat penting dalam hidup ini dan menjadi resipi kejayaan mereka dalam perjalanan panjang atau "long haul" mencium piala Liga Perdana Inggeris hari ini.

# Terbang bebas

**W**au Kapal, permainan tradisi negeri ini sejak 1870-an, dipertandingkan berdasarkan 'cagat' atau sudut paling tegak. Tali paling tegak sudut wau ini, asalnya dikenali Layang-layang Jeram, dipilih sebagai pemenang.

Nilai wau boleh melonjak hingga ratusan ringgit jika ia memiliki banyak cop, tanda kemenangan.

Kelebarannya hampir enam kaki, berat kurang 100 gram manakala panjangnya sekitar 43 sentimeter, bergantung kepada kreativiti pembuat. Ia lazimnya diterbangkan setinggi 150 meter.

Wau ini secara tradisi ada hiasan bunga tanjung di sayap, ekornya pula bermotif kapal belayar di lautan.

Ia diperbuat daripada buluh duri, buluh mata rusa, buluh minyak dan buluh tembaga kerana ia ringan dan mudah lentur. Buluh dikeringkan dua minggu sebelum rautan dibuat.

Pada masa ini, pertandingan Wau Kapal subur dalam kalangan generasi keempat Kampung Bukit Kuching Tengah, Kuala Selangor.

Jurufoto SelangorKini **Asri Sapfie** merakam aksi pertandingan di kampung berkenaan baru-baru ini (foto ikut lawan arah jam).

**1.** Peserta melepaskan wau sebaik sahaja pertandingan bermula. Wau perlu memenuhi syarat iaitu saiz sekitar empat hingga enam kaki, dibuat menggunakan kertas dan buluh sahaja, manakala tali pula berwarna putih.

**2.** Juri melakukan teknik poncot iaitu mengumpul semua tali secara serentak. Wau paling tegak dinilai berdasarkan kedudukan tali ketika ia berada di udara. Sudut tali boleh mencecah hampir 90 darjah bergantung kepada reka bentuk wau.

**3.** Tali wau pemenang peringkat saringan dimuatkan ke gelang gari untuk pengasingan selepas lapan saat wau diluncurkan ke udara. Ia bertujuan mengelakkan kekeliruan mahupun penipuan sepanjang pertandingan.

**4.** Juri mengasingkan tali wau menggunakan pedang kayu untuk memilih tiga pemenang setiap saringan. Lazimnya, antara 10 hingga 15 peserta bertanding setiap peringkat kelayakan.

**5.** Peserta mempamerkan keunikan motif reka bentuk wau mereka setelah pertandingan.

**6.** Rekaan kreatif menarik minat kanak-kanak, antara yang popular watak animasi Ejen Ali, Upin-Ipin dan adiwira Spiderman.

**7.** Jamaluddin Johari, 73, menunjukkan motif bunga tanjung wau kapal kepada cucunya Adam Malik. Kuntum yang ada sembilan kelopak adalah bunga rasmi negeri sejak zaman awal kesultanan Selangor.

**8.** Mohd Nazri Abdul Samad, 47, meneliti wau berusia sekitar 50 tahun untuk dibaiki. Perbezaan ketara wau itu berbanding wau moden adalah tajinya. Tajji asal menggunakan upih kelapa manakala wau moden menggunakan kertas.

**9.** Teknik sobek iaitu menampal lubang untuk memasukkan warna dalam rekaan lukisan. Rekaan itu memerlukan kepelbagaian warna dan karakter yang mengambil masa sehingga tiga bulan untuk disiapkan.

**10.** Wak Irus, 62, menguji ketegangan tali wau sebelum ia dilepaskan ke udara bagi mengurangkan risiko putus. Cop pada sebelah kiri menunjukkan wau itu beberapa kali menang pertandingan.





## Sedia dana khidmat guaman

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri dicadangkan memperuntukkan dana bantuan guaman bagi membela mangsa penindasan dan penipuan.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Subang Jaya Michelle Ng Mei Sze



berkata isu pembuangan pekerja, pemotongan gaji dan pembatalan kontrak perniagaan tanpa alasan antara kes berlaku sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan.

"Sebagai pemulaan kita mencadangkan Kerajaan Negeri menyalurkan dana bantuan sebanyak RM3 juta. Penularan Covid-19 dan PKP menimbulkan banyak isu yang membelenggu rakyat bawahan.

"Kita bimbang keadaan hidup mereka semakin tertekan jika mereka tidak dapat pembelaan sewajarnya termasuk kemungkinan peningkatan kes mufliis selepas tempoh moratorium tamat September ini," katanya pada 14 Julai lalu.

Beliau berkata dana bantuan guaman diamalkan di luar negara berjaya memberi keadilan kepada golongan bawahan.

## Sumbang barang keperluan

# 100 pemandu teksi terjejas dibantu

OLEH NORRASYIDAH ARSHAD

**KAJANG** - Seramai 100 ahli Persatuan Pemandu Teksi dan Kereta Sewa Hulu Langat yang terjejas akibat Covid-19 menerima bantuan makanan.

Ahli Dewan Negeri Kajang berkata bantuan beras, minyak, gula dan susu itu diharap dapat meringankan beban mereka.

"Wang tunai RM5,000 turut disumbangkan kepada persatuan supaya aktiviti tertangguh sebelum ini dapat dijalankan. Jumlah keseluruhan bantuan RM10,000.

"Sepanjang PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) pendapatan pemandu ini sangat terjejas malah berlanjutan hingga sekarang. Mereka hanya terima antara RM30 hingga RM35 sehari," kata Hee Loy Sian selepas menyerahkan bantuan pada 18 Julai.



Beliau turut meminta Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pengangkutan menyediakan aplikasi bagi menjadikan sistem kerja pemandu teksi lebih sistematik.

"Kita harap aplikasi seperti Grab dapat diluaskan ke pemandu teksi. Ini dapat meningkatkan pendapatan kerana mereka turut bersaing dengan pengangkutan awam," katanya.

## YB Kita

### Ahli Dewan Negeri

## N39 KOTA DAMANSARA

**Nama:**  
Shatiri Mansor

**Umur:**  
57 tahun

**Negeri kelahiran:**  
Selangor

**Falsafah hidup:**  
Membina negara memenuhi harapan


**Pekerjaan sebelum jadi Ahli Dewan Negeri:**  
Ahli majlis Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan EXCO Kongres Kesatuan Sekerja (MTUC) Selangor

**Alamat pejabat ADN:**  
B-19-1, Jalan Zuhail, U5/178, Star Avenue, Seksyen U5 40150 Shah Alam

**Nombor telefon ADN:**  
03 78596141

**E-mel:**  
adunkotadamansara@gmail.com

**Facebook:**  
Shatiri Mansor



## Naik taraf saluran Sungai Udang diteruskan

**SHAH ALAM** - Projek naik taraf sistem saluran anak Sungai Udang fasa kedua diteruskan selepas proses pengambilan tanah selesai, kata Ahli Dewan Negeri Taman Templer.

Mohd Sany Hamzan berkata usaha dilakukan Majlis Perbandaran Selayang, Pejabat Tanah dan Daerah Gombak serta Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor

sebagai penyelesaian jangka panjang mengatasi isu banjir kilat di Selayang Baru.

"Saya dan Ahli Parlimen Selayang William Leong Jee Keen mengadakan mesyuarat bersama pihak berkaitan supaya dapat menyegerakannya.

"Jika diikutkan, memang sudah bermula (proses pengambilan tanah) untuk sambung projek fasa

kedua, cuma ia mengambil masa dan perlu mengikut prosedur termasuk perbincangan dengan pemilik," katanya pada 19 Julai.

Mohd Sany berkata pihaknya juga merancang membina sebuah kolam tadahan bagi menampung air banjir, namun pembangunan pesat di kawasan berkenaan menyebabkan kesukaran mencari lokasi sesuai.

## Skim Peduli Sihat DUN Kampung Tunku dibuka



### PENDAFTARAN PEDULI SIHAT DUN KAMPUNG TUNKU

TUTUP 31 JULAI 2020

#### SYARAT

- Pengundi DUN Kampung Tunku
- Lahir di Selangor atau tinggal di Selangor lebih 10 tahun
- Pendapatan kurang daripada RM 2,000 (Keluarga) atau RM 1,500 (Individu)
- Pemohon BSH kategori pendapatan bawah RM2000 atau golongan miskin di pangkalan data eKasih

#### CARA PENDAFTARAN

- 1 Atas talian: <https://tinyurl.com/PeduliSihat>
- 2 Pusat Khidmat ADUN Kampung Tunku  
24, Jalan 20/9, Taman Paramount, PJ  
<https://waze.com/ul/hw2838w5v2>  
Isnin - Khamis  
9 pagi - 5.30 petang  
(Rehat 1 petang - 2 petang)



DR SITI MARIAH MAHMUD  
EXCO Kesihatan, Kebajikan,  
Pemberdayaan Wanita  
dan Keluarga



LIM YI WEI  
ADUN Kampung Tunku

**SHAH ALAM** - Penduduk di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kampung Tunku dipelawa menyertai program Skim Peduli Sihat yang dibuka sehingga 31 Julai.

Ahli Dewan Negerinya, Lim Yi Wei berkata pendaftaran boleh dibuat dalam talian menerusi pautan, pedulisihat.com atau hadir ke Pusat Khidmat Masyarakat DUN Kampung Tunku.

"Bagi yang mendaftar di pusat khidmat, pemohon perlu membawa borang permohonan Program Kasih Ibu Smart Selangor (jika ada); salinan MyKad, MyKid atau surat kelahiran dan bukti tersebarai sebagai golongan miskin/miskin segar dalam pangkalan data eKasih.

"Penjawat awam atau pesara kerajaan perlu membawa slip gaji/pencen manakala penyata EA atau kumpulan wang simpanan pekerja untuk pekerja swasta. Bagi pemohon ibu tunggal pula, mereka perlu membawa salinan sijil kematian suami atau penceraian," katanya pada 14 Julai.



**ADN SERI SERDANG**  
Dr Siti Mariah Mahmud

Meninjau suasana pasar malam Taman Sri Serdang di Seri Kembangan, Serdang



**ADN PELABUHAN KLANG**  
Azmizam Zaman Huri

Menyantuni Orang Asli pada program Ziarah Muhibah di Pulau Indah, Pelabuhan Klang



**ADN PANDAMARAN**  
Leong Tuck Chee

Memberi penyembur nyamuk dan pelitup muka kepada warga Flat Pandamaran, Jalan Sentul, Pelabuhan Klang



**ADN PERMATANG**  
Rozana Zainal Abidin

Menyampaikan barangan asas susulan wabak Covid-19 kepada pekerja ladang Sungai Tinggi, Kuala Selangor



**ADN SUNGAI RAMAL**  
Mazwan Johar

Meninjau kenaikan paras air Sungai Ramal yang menjadi keresauan penduduk di Sungai Ramal Luar, Kajang



**ADN SERI SETIA**  
Halimey Abu Bakar

Menziarah penduduk yang uzur di kawasan SS9 Sungai Way, Petaling Jaya



# Bukan lagi persona



Oleh  
Qurratul  
'Ain

Suara kepatahan kata-kata. Terbeku. Dia memandang mukanya termangu dalam cermin. Beberapa alat solek tersusun, menunggu dioles pada muka. Tetapi bukannya ini persiapan sebelum memunculkan diri di gelanggang besar sebentar lagi - meredakan duka orang ramai yang dia langsung tak kenali pun (entah para penonton dari lorong hidup yang bagaimana? Tragis? Tertindas?). Kita semua terdesak untuk tertawa supaya kesunyian dibunuh, maka engkau mesti faham kenapa tiket persembahanmu terjual. Ada perasaan gelap meracuni. Nah, kau antara terpilih mengurangi beban ngeri mereka, pesan guru komedinya, si profesor falsafah politik yang sinikal. Kalau pandang susuk tua ini, mirip gelagat George Carlin bengis dan muram. Namun melalui lelaki tua itulah dia belajar mencintai diri dengan ironi. Petua paling mujarab. Non-sequitur sudah dianuti sebaik-baik habis; bahawa dia tidak usah menjadualkan hari-hari dengan rasa kaku. Cuba melawan jalur nasib dan bebas menarikan hidup! Sergah profesor itu. Tapi parah, sikap pesimistik makin mengada-ngada. Dia meragui kebahagiaan.

"Aneh dan kontra sikapmu," kata kekasihnya, V, lagi "...dalam curiga maha-panjang itu kau tetap keluar ke pentas mengenakan persona yang melucukan-berharap mereka pulang ke apartmen, wajah berbekas senyuman." Begitulah percakapan mereka setiap kali bertemu janji di kafe. Kebingungan V tidak pernah berbalas.

Kecuali malam ini, lima-belas minit sebelum berpuluh suluhan lampu menyoroti susuknya. Ya, kecuali malam ini, dia mula mempertimbangkan pertanyaan V, kekasih yang tidak sudah-sudah berasa hairan. Ada benar. Dia sangat sukar berasa senang de-

ngan banyak perkara. Orang-orang di sekeliling seperti mendambakan usikan daripadanya supaya mengingatkan mereka, "hei, hidup tak perlu seserius itu," - tetapi dia juga jarang berseloroh dengan diri sendiri. Pertama kali berjabat tangan teman pelawak di Kuala Lumpur, siapa mampu (atau mahu?) menebak pergelutan takdir pemuda ini. Apabila memasuki pentas, suatu watak lain terpakai memperdayakan penonton; suatu personaliti yang dia jarang-jarang lihat di bilik solek, acara sofistikated atau di mana-mana mereka kebetulan terserempak. Mata pemuda kemerahan menahan pedih dalam sukma. Terhidu bau ubat terbenam dalam kulit. "Komedi..., datang dari dunia diberati derita, kawanku." Sejak itu dia tahu, banyak topeng terpaksa terpasang. Menyembunyikan ketulusan.

"Sikapi takdirmu dan jadikan ia jenaka yang mengajakmu cuba bergurau sekejap. Di depan cermin bilik mandi, kau tersengih, peragakan gigimu. Berdamai dengan hati sendiri. Barulah kau memahami bahawa sekian lama ada tawa ingin meledak." Itulah kali terakhir mereka bersemuka. Pada hari apa, jam berapa; dia sudah lupa, cuma sungguh berbekas pertemuan yang tak ada lanjutannya.

Hampir setahun si pemuda itu berpindah ke kota lain. Dengar-dengar, rambut kusut panjang dan janggut melebat di muka. Mencari-cari makna di kaki bukit. Latih bermeditasi. Entahlah, stereotaip orang yang konon mendapat pencerahan. Konon tentang seorang lelaki yang bertaubat. Barangkali punca perpindahan yang agak radikal ini kerana benar-benar muak dengan mainan populariti. (namun beginikah pengakhiran yang mesti dipuji?)

Dia mencongak kembali niat kerjaini. Bahawa hiburan adalah penawar, semacam antidot

sosial. Walaupun dia terpaksa mempersendakan dirinya. Bukankah manusia berkelakar untuk tidak tertipu dengan kelicikan tragedi masa lalu. Seolah-olah kelibat tragedi berusaha menjatuhkan semangat hidup. V lekas memujuk, "si Bassem Yousseff betul bila dia bilang, kau tak boleh ketawakan perkara yang kau takuti. Besar makna itu. Terserah, kalau kau sudah memilih mengekek atau menyeri-ngai pada sesuatu hal —ya, tanda kau berani. Jangan lari dan jadi pengecut. Pertahankan kenapa kau rasa ada hal yang wajar diperolok-olokkan demi kesedaran yang agung.."

Jari-jari memicit dahi. Gelisah menyendat dalam kepala. Segelas air suam di depan diteguk. Memang memualkan. Segala fobia dan kegagalan dipertaruhkan untuk persona diterima. Sama ada dia pandir yang profesional atau mereka sengaja menguji perwatakannya. "Kau pancing mereka ketawa sehingga tertanya-tanya kenapa ia lucu? Pasti, mereka tersentak. Biarkan mereka mempermainkan kebersahajaan hidup. Kejahilan. Ketidakpedulian. Sebab ketawa memang jangkitan yang menginsafkan." Sungguh-sungguh V menenangkan, mengucup ubun-ubun. Dunia berlubuk kepura-puraan. Dia bertambah sangsi. Rasa terganggu. Orang-orang membeli jenaka seperti memburu wahyu. Orang-orang gelak untuk menyedapkan hati yang *diabolical*. Akhirnya kita terbahak-bahak hingga lupa kitalah si dungu yang sebenar.

"Kau terlalu *stoik*,"

"Aku ada caraku untuk mendepani semua ini. Menemukan kesenangan dalam kesuntukan nasib dan waktu.."

V mungkin memahami mengapa. Memang, dia setia berpegang pada perkiraan popular ini: percantuman masa dan tragedi menghasilkan komedi. Sebab musibah ber-

## Mata wang

Seperti apa kau ingin menjadi saat bangkumu berdarjat memilih saku lebih lebar dari baju syahadat yang bersanding di bibir sejak bergulung di kantung ibu koyak dikikir mata runcing

Kau menyangka debumu tersembunyi mirip Maria, Lucia dan Magdalena gunung purba yang menidurkan api meski memulau diri seperti Sebatik atau tiada lensa menambat tetap namamu berbintik terawet warna sogokan

Kawan, darah cintamu mengalir hitam songsang garis senyumnya dalam belanga berempah suapan jernihkah kau menjawab jika anak-anak bertanya, "mata apa yang paling tajam?"

Siti Alimah

laku pada masa yang tepat, sehingga terpisat-pisat dengan dunia dan candanya yang serius. Dia cuba menenangkan hati yang gelisah dengan mampir ke depan dan bergurau senda. Sesekali dia sengaja membuatkan dirinya tampak jelek. Namun apabila kata-kata diungkapkan menyinggung, ia amat jijik. Seperti harus dibasuh dengan rasa malu yang tebal. Bagaimana teman-teman penghiburnya terbiasa membuat isi dewan menggelegak kejijikan ini? Mungkin mereka mahu menguji siapa lebih bermoral - yang menonton atau yang ditonton? Bingung.

Apabila kebenaran menjadi prop. Seperti *ventriloquist* dan boneka di tangannya.

Berpendar-pendar. Air yang diteguk habis dan tak terasa puas pula. Dia semakin resah untuk memperkenalkan diri meski sudah berkali-kali dilakukan sebelum malam ini. Sudah tertera nama di poster dan tiket. Dia kurang yakin. Siapa yang sedang dipakaikan dalam badan ini sekarang? Berapa minit lagi? Oh, atau berapa saat berbaki? Jelas dia kehilangan jejak masa dalam jam tangan.

O, kenapa kelohongan ini? Deriaku kian hilang. Persona yang dikekang pesona. Di sana bukannya segala akan berubah maha-sunyi dan bersama suara-suara misteri yang gembira dan penuh cinta? Aku yang tertawa — pasti terdiam pula. O, kekasihku V, pentas menungguku. Ini semua sekadar jenaka. Sekadar. Tidak lebih sebuah perjudian ihsan. Moga kenakalanku halal. Moga aku masih berharga saat dipertontonkan di sana—

Pintu terkuak. Seorang gadis kenit. Staf agaknya.

Lamunan tadi berjejer perlahan.

"Maaf, dah bersedia? Sampai giliran ni."

"...mereka pun bersedia. Ada luka tak sabar dipadam nanti."

Staf mengangkat kening sebelum beredar. Seolah-olah mengisyaratkan amaran. Sayup-sayup suara pengacara dan keramaian.

Dulu asnaf kini intai pasaran antarabangsa

# Biskut pilihan Siti Nurhaliza

OLEH NAZLI IBRAHIM

Setiap hari, Normah Baba berjalan kaki sejauh dua kilometer di bawah terik matahari untuk menjual kek cawan di Taman Kosas dan Taman Bukit Indah, Ampang.

Alah bisa tegal biasa. Walau lelah, tubuh berkeringat menghantar kek ke restoran dan kedai, ibu tunggal empat anak tidak pernah putus asa mencari wang demi sesuap nasi.

Biar pun keuntungan tidak banyak, tidak sampai RM200 sebulan, jadilah. Selepas dicampur pendapatan sebagai guru tuisyen, dapatlah antara RM800 hingga RM1,000. Tetap bersyukur walau sebenarnya 'sesak' untuk bayar itu ini. Makan-minum pun takat cukup-cukup, asal saja tidak kelaparan.

Tapi itu lima tahun dulu. Kini produknya 'laku keras'. Malah Datuk Seri Siti Nurhaliza Tarudin pun menyukainya.

Malah Normah, kini berusia 60 tahun, giat melebar rangkaian perniagaan. Dari pasaran sekitar Lembah Klang, kini beliau giat meneroka pasaran China, Jepun dan Taiwan.

## Menjadi asnaf

Semuanya bermula dari tekanan hidup. Duit jualan kek cawan tidak mampu menampung kehidupannya. Lebih-lebih lagi anak ketiga dan keempat ditawarkan ke Maktab Rendah Sains Mara dan kolej.

Normah tiada pilihan. Beliau memutuskan untuk meminta bantuan pendidikan Lembaga Zakat Selangor (LZS). Usahanya tidak sia-sia, bahkan turut ditawarkan bantuan lain.



Biskut Carleed yang diusahakan Normah dijangka mampu menembusi pasaran luar negara

Penyediaan sebahagian aset bagi pembuatan biskut hasil bantuan Teras

Namun, beliau menolak bantuan kewangan bulanan dan makanan. Beliau mahu berdikari. Asal perniagaan berkembang, Normah yakin mampu meneruskan pancaroba hidup.

"Saya cakap dengan LZS kalau boleh saya mahu bantuan perniagaan," katanya kepada SelangorKini.

Sejak itu, Normah mengikuti kursus anjuran LZS melalui Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd (Teras) mulai 2016. Sememangnya Teras ditubuhkan bagi melengkapkan keperluan asasi asnaf termasuk membangunkan usahawan.

"Ini menguatkan lagi azam saya supaya satu hari nanti mampu bayar zakat membantu orang susah," katanya lagi.

Normah mula mengusahakan biskut jenama Carleed, tart nanas dan coklat cip. Beliau kemudian menyewa premis milik Mara di Bandar Baru Salak Tinggi untuk dijadikan kilang.

Teras membantu penyediaan aset seperti mesin pengadun tepung dan ketuhar dianggar bernilai RM21,000 manakala bahan mentah bernilai RM5,000. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) pula membantu dalam aspek pembungkusan.

Hasil kegigihan Normah, dibantu pula anak-anaknya, biskut jena-

**Sedikit demi sedikit, permintaan biskut tart nanas dan Carleed melambung, bahkan dikenali ramai termasuk Datuk Seri Siti Nurhaliza yang pernah mempromosi biskutnya ke media sosial**

ma Carleed berjaya dipasarkan ke stesen minyak, beberapa kiosk di Lembah Klang termasuk pusat beli-belah Suria KLCC dan ourshop.com, laman se-sawang beli-belah Air Asia.

Sedikit demi sedikit, permintaan biskut tart nanas dan Carleed melambung, bahkan dikenali ramai termasuk Siti Nurhaliza yang pernah mempromosi biskutnya ke media sosial.

"Dalam instagram Datuk Siti, dia puji dan ucap tahniah sebab hasilkan tart nanas yang kena dengan cita rasa dan nak ulang tempah," kata Normah.

Sejak itu, bukan Siti Nurhaliza sahaja tapi ramai peminat penyanyi tersohor membuat tempahan dari seluruh negara.

## Eksport produk

Normah juga memberanikan diri

membawa produknya ke Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) bagi meluaskan pasaran.

Tanpa disangka, Matrade pada 2019 menawarkan pertemuan dengan enam ahli perniagaan dari Jepun, Taiwan dan China yang berminat memasarkan produknya di negara mereka.

Awal tahun berikutnya, Normah menerima satu lagi tawaran daripada Fama untuk menyertai ekspo sempena pembukaan Sukan Olimpik di Tokyo.

Kini, Normah tidak menoleh ke belakang. Apatah lagi, beliau juga menyimpan impian untuk memiliki kilang yang dijadikan tumpuan pelancongan.

"Saya berharap suatu hari nanti perniagaan saya memiliki kilang pelancongan supaya mereka boleh lawat kilang dalam bentuk kaca, mereka boleh lihat proses pengeluaran," katanya.

Namun, beliau tidak lupa akan asal-usul dirinya, pernah susah. Justeru, Normah berazam untuk turut sama membantu asnaf lain. Biar kejayaan dinikmati bersama.

"Di luar juga ada kiosk yang jual produk saya dan produk asnaf lain kerana saya nak beri peluang asnaf lain jual produk mereka. Ini cita-cita saya," katanya.







## Bengkel bimbing peniaga di Klang

**SHAH ALAM** - Majlis Perbandaran Klang (MPK) menganjurkan bengkel penggunaan aplikasi saluran e-dagang baharu Klang i-Plaza bagi memudahkan orang awam berniaga.

MPK berkata program dikendalikan Jabatan Teknologi Maklumat diadakan setiap minggu pada hari Rabu di Pusat Sumber agensi itu di Jalan Tengku Kelana, di sini.

"Bengkel ini bertujuan membimbing peniaga untuk menggunakan sistem ini atau menambah baik kandungan sedia ada," kata mereka.

Laman digital yang diperkenal sejak April lalu itu berfungsi sebagai pusat sehenti usahawan di daerah terbabit bagi mempromosikan produk jualan.

## Tak patuh SOP, tujuh premis ditutup

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengarahkan tujuh premis ditutup kerana tidak mematuhi syarat kesihatan dan pelesenan.

Penolong pengarah komunikasi korporatnya berkata kesalahan itu termasuk tidak mendapatkan suntikan imunisasi tifoid, gagal melaksanakan kawalan serangga, premis tidak diselenggara dengan baik serta menjalankan perniagaan tanpa lesen.

"Sebanyak sembilan premis diperiksa dan daripada jumlah itu tujuh diarahkan tutup serta 23 kompaun turut dikeluarkan," kata Ahmad Iskandar Mohamad Mukhtar pada 18 Julai.

Beliau menambah operasi pemantauan dan pemeriksaan dijalankan Unit Penguatkuasaan Kesihatan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran MBPJ pada 14 Julai.

## Susun perancangan dengan teliti

**KLANG** - Majlis Perbandaran Klang (MPK) akan meneliti semula kebenaran merancang projek di bawah pentadbirannya bagi mengelak kejadian marabahaya serta merugikan penduduk.

Yang Dipertuanya Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin memaklumkan pihaknya akan mencuba sebaik mungkin menyusun perancangan di daerah tersebut.

"MPK sangat prihatin dengan komuniti kawasan. Lepas ini bila buat kelulusan kita akan lihat lebih lanjut dan nilai laporan lengkap. Ini babit pembinaan, kita kena telus," katanya ketika ditemui di lokasi tanah mendap di Johan Setia pada 21 Julai.

20 Julai lalu, insiden tanah mendap berlaku kira-kira jam 3 petang ketika pekerja projek pembinaan Projek Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) menanam cerucuk di kawasan tidak rata hingga menjejaskan laluan utama dari arah Klang ke Banting.



Denda pembuang sampah haram hanya RM1,000

# Pusat tolak cadangan tingkat hukuman

OLEH NADIAH ZAMLUS

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri kecewa dengan tindakan Kerajaan Persekutuan menolak cadangan meminda enakmen bagi menaikkan jumlah denda terhadap pembuang sampah haram.

EXCO Kerajaan Tempatan Ng Sze Han berkata cadangan itu ditolak selepas pentadbiran kerajaan diterajui Pakatan Harapan bertukar kepada Perikatan Nasional

Mac lalu.

"Kerajaan Negeri mencadangkan supaya hukuman lebih berat dikenakan kerana pembuang sampah haram hanya dikenakan denda RM1,000 sahaja, sudah tentu ia tidak cukup menakutkan individu tidak bertanggungjawab ini.

"Oleh sebab itu, Selangor mengusulkan supaya enakmen menghukum kesalahan ini dipinda, tetapi akhirnya ia ditolak Kerajaan Persekutuan," katanya pada 14

Julai lalu.

Beliau berkata Selangor akan lebih tegas menangani masalah pembuangan sampah haram yang banyak dikemukakan dalam perbahasan sidang Dewan Negeri Selangor pada 13 hingga 16 Julai lalu.

"Oleh sebab usul kita ditolak di peringkat pusat, maka Kerajaan Negeri akan memikirkan cara lain untuk tangani isu ini supaya ia tidak menjadi lebih buruk," katanya.

## Rebat RM500 untuk rumah mesra alam

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menawarkan Skim Rebat Cukai Taksiran sehingga 100 peratus atau RM500 bagi pemilik rumah mesra alam berkarbon rendah bermula 15 Julai lalu.

Sekretariat Media Unit Komunikasi Korporatnya memaklumkan pemilik rumah yang menjadikan kediaman mereka berkonsep demikian dalam aspek tenaga, air, kepelbagaian biologi, pengurusan sisa

buangan serta pengangkutan bakal menikmati rebat tersebut.

"Skim ini berlangsung sehingga 16 Oktober depan dengan setiap permohonan dinilai panel penilai bebas dilantik MBPJ dan pemohon layak akan menerima rebat yang akan dikreditkan terus ke dalam akaun cukai taksiran pada tahun hadapan," katanya pada 17 Julai.

MBPJ satu-satunya pihak berkuasa

tempat yang menawarkan inisiatif itu sejak 2011 dengan jumlah keseluruhan rebat dalam tempoh sembilan tahun sebanyak RM652,068.17.

Mereka yang berminat boleh mendapatkan borang permohonan melalui laman sesawang MBPJ [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) atau di kaunter Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam di tingkat 20, Menara MBPJ.

## Dua kedai runcit upah pekerja asing disita



**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menyita dua kedai runcit di Paya Jaras Hilir pada 20 Julai lalu kerana mengupah pekerja asing.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awamnya berkata operasi itu diadakan bagi mengesan dan membanteras peniaga atau penjaja warga asing yang menjalankan perniagaan tanpa lesen.

"Antara barangan yang disita adalah tong gas, rak barangan dan

barangan runcit," kata Shahrin Ahmad dalam kenyataan.

Beliau berkata sitaan dilaksanakan di bawah Undang-undang Kecil Pelesenan Tred Perniagaan Perindustrian MBSA 2007 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Tambahnya, operasi terbabit diadakan secara berkala bagi memantau warga asing yang menjalankan perniagaan tanpa lesen di kawasan pentadbiran majlis itu.

Keutamaan bagi penghuni rumah kos rendah

# MBPJ sedia van transit untuk OKU

OLEH ALIFF FIKRI

**SHAH ALAM** - Atas keprihatinan terhadap orang kelainan upaya (OKU), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menyediakan dua van transit bagi memudahkan perjalanan ke tempat kerja.

MBPJ berkata kemudahan menghantar dan mengambil disediakan setiap hari kecuali Sabtu dan Ahad, dari 9 pagi hingga 5 petang.

"Permohonan untuk menggunakan perkhidmatan ini melalui tempahan secara panggilan telefon ke Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan melalui Bahagian Khidmat Komuniti dan Pembangunan Modal Insan," kata pihak berkuasa tempatan itu pada 16 Julai.

"Keutamaan adalah kepada OKU yang tinggal di kawasan perumahan kos rendah, Program Perumahan Rakyat (PPR) dan pusat jagaan serta OKU mestilah daripada penduduk Petaling Jaya."

Tempahan boleh dibuat bermula jam 8 pagi berdasarkan konsep siapa cepat, dia dapat.

**TRANSIT VAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)**

PERKHIDMATAN  
PERCUMA

**OBJEKTIF**

- Memberikan perkhidmatan percuma kepada OKU yang layak mengikut terma-terma yang ditetapkan.

**SYARAT-SYARAT VAN TRANSIT OKU**

- Dari hari Isnin hingga Jumaat, dari pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang dan pada hari bekerja sahaja.
- Penempatan hanya diterima pada hari yang sama bermula pada pukul 8.00 pagi.
- Perkhidmatan mengikut konsep "First Come First Serve".
- OKU yang menggunakan kerusi roda sahaja yang boleh menggunakan transit van OKU ini.
- OKU mestilah daripada penduduk Petaling Jaya.
- Seorang OKU hanya boleh menggunakan van transit OKU ini seminggu 2 kali sahaja.
- Transit van OKU hanya boleh digunakan untuk ke PPUM, Hos. Assunta, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Perkeso, Hos. Tun Hussien Onn, Jabatan Pendaftaran (JPN), Klinik & Hospital Panel MBPJ namun keutamaan diberikan kepada OKU yang hendak mendapatkan rawatan di hospital berdekatan.
- OKU yang memerlukan penjagaan perlu membawa pembantu sendiri ketika menggunakan transit van OKU ini.
- Keutamaan kepada OKU yang tinggal di kawasan perumahan kos rendah, PPR & pusat jagaan.
- MBPJ berhak membuat keputusan muktamad terhadap semua permohonan penempatan transit van OKU.

SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :  
JABATAN PEMBANGUNAN KEMASYARAKATAN,  
BAHAGIAN KHIDMAT KOMUNITI DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN,  
TINGKAT 7, MENARA MBPJ, JALAN TENGAH,  
46200 PETALING JAYA, SELANGOR. TEL: 603-7956 0203.  
FAKS: 603-7956 9549.

## MDKS sedia aplikasi maklum balas

**SHAH ALAM** - Bagi memudahkan orang ramai memberi pandangan maklum balas, Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) membangunkan aplikasi dalam talian.

Boleh dimuat turun melalui Google Play, aplikasi itu khusus untuk Rancangan Kawasan Khas Bandar Melawati Kuala Selangor (RKKBMKS) 2025.

"RKKBMKS 2025 mencadangkan 52 projek merangkumi pembangunan, naik taraf, pengindahan, program dan lain-lain di Bukit Melawati serta Pekan Lama Kuala Selangor," kata kenyataan pada 20 Julai.

"Pandangan masyarakat setempat sangat dialu-alukan demi memastikan pembangunan yang dirancang menepati kehendak masyarakat ke arah pembangunan bandar dan komuniti mampan."

## MDHS periksa tujuh premis

**SHAH ALAM** - Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) memeriksa tujuh premis sekitar Jalan Bunga Kertas dan Jalan Orkid, Bukit Sentosa yang dikendalikan warga asing, kata yang dipertuannya.

Shukri Mohamad Hamin berkata pemeriksaan mendapati perniagaan itu ada lesen sah manakala pemilik warga tempatan.

"Tiada tindakan sitaan dibuat. Bagaimanapun kita ambil lesen pemilik premis untuk siasatan lanjut bagi mendapatkan maklumat lengkap mengenai aktiviti perniagaan yang dijalankan serta maklumat berhubung pekerja asing.

"MDHS turut memberikan notis kepada pemilik itu untuk hadir ke pejabat dalam tempoh tujuh hari, namun jika mereka gagal patuhi arahan lesen perniagaan dibatalkan serta-merta," katanya pada 19 Julai lalu.

Sejak Mei lalu, MDHS menerima aduan sebanyak 70 premis dikendalikan warga asing di Bukit Sentosa dan Bukit Beruntung. Daripada aduan itu, 30 premis diperiksa dan lima daripadanya dibatalkan lesen perniagaan.

## PBT diarah atasi isu bangunan terbiar

**SHAH ALAM** - Pihak berkuasa tempatan (PBT) diarah mengambil tindakan tegas kepada pemilik bangunan atau premis terbiar di negeri ini, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata penguatkuasaan perlu segera diambil bagi mengelakannya menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes atau lokasi kegiatan tidak berfaedah.

"Berhubung beberapa bangunan terbiar di Hulu Selangor, saya difahamkan ada antaranya milik agensi Kerajaan Persekutuan dan bakal diubah suai menjadi kuarters, kelab sukan serta rumah kebajikan.

"Bagaimanapun jika terus dibiarkan tanpa ada perancangan pembangunan, PBT atau pejabat tanah perlu ambil tindakan

seperti memberi notis peringatan," katanya menjawab soalan Ahli Dewan Negeri Batang Kali, Harumaini Omar pada 16 Julai.

Berhubung pihak bertanggungjawab menyelenggara bangunan terbiar milik kerajaan, Amirudin berkata peruntukan tersebut perlu dipohon agensi terlibat bagi membolehkan perancangan kewangan dilakukan lebih awal.

Sementara itu, Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) mengenal pasti pemilik bangunan, premis dan rumah terbiar di daerah itu.

Yang Dipertuannya, Shukri Mohamad Hamin berkata notis amaran dihantar selain tindakan lebih tegas diambil jika struktur binaan atau tanah masih gagal diurus-

kan dengan baik.

"Kita jalankan semakan segera sama ada terdapat bangunan milik kerajaan negeri atau pusat terbiar, kalau ada keperluan untuk ambil alih bangunan bagi dibangunkan, kita tengok sama ada boleh lakukan atau tidak.

"Pihak berkuasa tempatan sering berdepan masalah melibatkan struktur binaan di atas tanah persendirian tidak

diuruskan dengan baik sehingga memudaratkan penduduk setempat, terutama penyebaran penyakit," katanya pada 17 Julai.

## Denggi: 819 kompaun dalam enam bulan

**SHAH ALAM** - Sebanyak 819 kompaun dikeluarkan kepada pemilik kediaman dan premis perniagaan kerana membiarkan kawasan mereka menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes sepanjang tahun ini, kata EXCO kesihatan.

Dr Siti Mariah Mahmud berkata Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) merekodkan jumlah tertinggi dengan 385 kompaun diiku-

ti Majlis Perbandaran Klang (156) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (135).

"Tindakan tegas diambil terhadap pihak yang enggan memberi kerjasama serta masih berdegil. Kes denggi tinggi berikutan pertambahan bilangan penduduk dan semakin membimbangkan apabila masyarakat mengabaikan aspek kebersihan," katanya pada 14 Julai.

Dalam pada itu, Dr Siti Mariah berkata bilangan kes denggi pula merekodkan sebanyak 9,415 kes pada Januari, Februari (6,797), Mac (4,782), April (3,118), Mei (2,831) dan Jun (3,188).

"Statistik menunjukkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mengurangkan kes denggi apabila bilangan mereka dijangkiti menurun pada Mac sehingga Jun," katanya.

**Air Selangor**

PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD  
(201401006213)

### KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000003305	FRAMEWORK AGREEMENT FOR PROPOSE 3D TERRESTRIAL LASER SCANNING (TLS) AND MODELLING SERVICES OF PENGURUSAN AIR SELANGOR'S PUMP HOUSE AND RESERVOIRS
2.	PN0000003228	MOTORCYCLES REPAIR AND MAINTENANCE FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD

Untuk butiran lanjut mengenai tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/service/tenderlists> atau menyertai saluran Telegram kami di <https://t.me/tenderairselangor> untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami. Kontraktor/Pembekal yang ingin menyertai tender di atas adalah **diwajibkan** untuk berdaftar dengan Air Selangor. Untuk mendaftar, sila ke pautan berikut: <https://www.airselangor.com/business-with-us/contractor-vendorsupplier-plumber-registration-guideline> dan ikuti panduan yang dipaparkan di laman tersebut. Pendaftaran adalah **percuma**.



## Kaji sesi sekolah jika kes wabak naik

**SHAH ALAM** - Sesi persekolahan hanya di-kaji semula jika kes Covid-19 terus meningkat, kata menteri kanan (keselamatan).

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata ketika ini kerajaan kekal dengan keputusan membenarkan pelajar ke sekolah secara berperingkat mulai 24 Jun lalu.

"Setakat ini tiada keputusan baharu dari Kementerian Pendidikan, namun sekiranya kes meningkat bukan sekolah sahaja yang perlu ambil tindakan (tutup) tetapi semua sektor terlibat," katanya pada 21 Julai.

Sesi persekolahan untuk pelajar tingkatan 5 dan 6 yang mengambil peperiksaan awam bermula 24 Jun lalu manakala selebihnya secara berperingkat mulai 15 dan 22 Julai.

## Pengambilan kedua Kuis dibuka

**SHAH ALAM** - Pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dipelawa menyambung pengajian di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis).

Timbalan Rektor Pengurusan Korporat Pembangunan Dr Zulkifli Abd Hamid berkata universiti itu membuka permohonan pengambilan kedua bagi sesi 2020/2021 hingga Jumaat ini.

"Kita menyasarkan seramai 1,000 pelajar berdaftar dan keutamaan diberi kepada mereka yang gagal dalam sistem Pengurusan Kemasukan Pelajar (UPU) ke Institut Pengajian Tinggi Awam," katanya.

Beliau berkata bagi pengambilan pertama 5 Julai lalu, Kuis menerima pendaftaran 1,500 pelajar baharu.

Tawaran dibuka bagi pengajian di peringkat asasi, diploma, ijazah, sarjana dan doktor falsafah (PhD). Pelajar yang berminat boleh mendaftar secara dalam talian di [www.kuis.edu.my](http://www.kuis.edu.my).

## Tunggu keputusan bantuan

**SHAH ALAM** - Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis) sedang menunggu keputusan permohonan bagi mengurangkan kadar yuran pengajian mahasiswa, kata rektornya.

Buat masa ini prof Dato' Ab Halim Tamuri berkata yuran pengajian dan asrama yang perlu ditanggung penuntut kekal seperti semester sebelumnya.

"Kita ada mohon bantuan untuk tujuan itu daripada Kerajaan Negeri tetapi masih menunggu keputusan. Jika dana suntikan diterima, kita akan cuba (kurangkan yuran pengajian)," katanya.

Terdahulu, Kuis menetapkan yuran pendaftaran pelajar baharu sebanyak RM650, pengurangan RM350 daripada jumlah asal bagi sesi Julai 2020/2021.

Pertama kali di Malaysia

# PPAS lancar khidmat hantar buku ke rumah

OLEH KHAIRUL AZRAN HUSSIN

**SHAH ALAM** - Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) menyediakan perkhidmatan penghantaran buku ke rumah, pertama kali seumpamanya di negara ini, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata buku boleh dipinjam, maksimum 10 naskhah, menerusi inisiatif BooksFly2U berikutan perbadanan itu bekerjasama dengan syarikat penghantaran yang menghantarnya dalam masa antara tiga hari hingga seminggu.

"Mereka (peminjam) hanya perlu menanggung kos penghantaran sahaja manakala pemulangan buku boleh dibuat menerusi syarikat berkaitan atau hantar ke mana-mana 103 cawangan PPAS di seluruh negeri," katanya selepas melancarkan perkhidmatan itu pada 16 Julai.

Amirudin berkata inisiatif tersebut selaras dasar Kerajaan Negeri yang meletakkan pendidikan sebagai antara fokus utama ke arah mencapai taraf Negeri Pintar 2025.

"Perkhidmatan syarikat penghantaran lebih sinonim dengan sektor makanan dan minuman. Usaha PPAS ini adalah selangkah ke hadapan dan perlu dicontohi sektor lain," katanya.

BooksFly2U adalah perkhidmatan pe-



Amirudin menerima bungkusan buku sebagai gimik pelancaran perkhidmatan BooksFly2U di Dewan Annexe, Shah Alam pada 16 Julai

san pinjaman buku dalam talian yang menjimatkan masa dan tenaga dengan PPAS mengambil senarai pilihan peminjam lalu menghantarnya ke rumah.

Orang ramai boleh membuat tempahan melalui talian 03-55197667 atau WhatsApp (010-8491448) pada setiap hari kecuali cuti umum.

## Perpustakaan terbaik di negara ini

**SHAH ALAM** - Penjenamaan semula Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) berjaya mengangkat statusnya sebagai antara terbaik di negara ini, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata menerusi 104 cawangan di seluruh negeri, PPAS menawarkan suasana ceria de-

ngan pelbagai kemudahan untuk dikunjungi seisi keluarga.

"Perbadanan ini bakal meraikan jubli emas 50 tahun penubuhannya tidak lama lagi dan melalui pelbagai transformasi seiring dengan usaha Selangor ke arah mencapai Negeri Pintar 2025.

"Peredaran masa menyebabkan perpustakaan tidak boleh berkeadaan seperti berpuluh tahun lalu yang hanya dikunjungi ulat buku sebaliknya perlu berubah menjadi tempat pendidikan berasaskan keseronokan," katanya selepas melancarkan perkhidmatan BooksFly2U pada 16 Julai.

## Potongan 15 peratus yuran universiti

**KUALA LUMPUR** - Yuran asrama dan perkhidmatan di universiti awam bagi semester kedua sesi akademik 2019/2020 dikurangkan sehingga 15 peratus, kata Menteri Pengajian Tinggi Datuk Dr Noraini Ahmad.

Katanya langkah itu melibatkan peruntukan berjumlah RM72 juta dengan RM20 juta telah dipersetujui secara bersama Kementerian Kewangan dan baki adalah menerusi peruntukan dalaman universiti.

"Seramai 523,318 penuntut universiti awam di seluruh negara dijangka mendapat manfaat daripada keputusan

ini," katanya pada sidang Dewan Rakyat pada 15 Julai.

Noraini berkata demikian semasa menjawab soalan Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin (PH-Hang Tuah Jaya) yang ingin tahu sama ada kerajaan bercadang mengembalikan semula sebahagian daripada yuran telah dibayar penuntut memandang mereka tidak masuk ke kampus sejak Mac lalu akibat Covid-19.

Noraini juga berkata pengurangan yuran terbabit dibuat selepas mengambil kira keluhan pelajar dan ibu bapa yang menghadapi bebanan kewangan susulan

penularan Covid-19.

Mengenai kemasukan penuh penuntut institusi pengajian tinggi (IPT) bagi memulakan pengajian pada Oktober, Noraini berkata IPT telah diberikan fleksibiliti untuk menentukan mod pembelajaran bersesuaian termasuk kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian.

"Namun begitu, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran hendaklah mematuhi prosedur operasi standard yang ditetapkan oleh kerajaan," katanya. - BER-NAMA

Sumbangan bina masjid, pendidikan

# Kutipan wakaf RM350 juta

OLEH AFIX REDZUAN

**SHAH ALAM** - Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) menerima kutipan wakaf berjumlah RM350 juta dari 2011 hingga 2019.

Ketua pegawai eksekutifnya berkata kutipan diterima menerusi wakaf am,

tunai dan khas dan diagihkan kepada beberapa kategori penerima.

"Sehingga 2018, RM142 juta disalurkan bagi pembinaan dan pembaikan masjid-masjid dan surau-sarau, pembangunan sektor pendidikan serta projek-projek am, khas dan manfaat," kata Dato' Mohammad Yaacob pada 21 Julai.

Beliau berkata PWS turut menyalurkan agihan fisabilillah kepada 43 institusi berjumlah RM1.276 juta.

Mohammad menjelaskan sumbangan digunakan bagi pembangunan aset kekal seperti membina dan menaik taraf bangunan, pemasangan karpet serta sistem siar raya.

## Jais tegur jemaah abai SOP

Berikut persediaan penting sebelum ke masjid dan surau:

1. Wuduk dari rumah
2. Pakai pelitup muka
3. Bawa sejadah sendiri
4. Sihat dan tidak bergejala
5. Guna cecair nyahkuman atau bersihkan tangan
6. Hadir lebih awal ke masjid atau surau bagi kebenaran khas Jumaat
7. Sentiasa mematuhi dan menjaga penjarakan sosial

**SHAH ALAM** - Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) akan mengambil tindakan tegas kepada masjid, surau dan jemaah yang melanggar tatacara operasi piawai (SOP).

Pengarahnya Mohd Shahzihan Ahmad berkata pihak tidak teragak-agak menarik semula kelonggaran diberikan antaranya membenarkan solat berjemaah mengikut had kapasiti sebenar masjid demi keselamatan, kemaslahatan jemaah serta imej Islam.

"Seluruh umat Islam di negeri ini perlu ingat kita belum berjaya memutuskan penularan Covid-19, justeru pentadbir masjid dan surau serta jemaah ditegas terus berhati-hati dan mengikut SOP.

"Ketetapan ini perlu diambil berat bagi memastikan kelangsungan rumah ibadat diteruskan tanpa mengundang fitnah kepada agama Islam dan umatnya selain memastikan aktiviti agama berjalan lancar," katanya pada 17 Julai lalu.

## Pakej melancong mesra muslim diperkenal

**SHAH ALAM** - Tourism Selangor dan Islamic Tourism Centre (ITC) memperkenalkan pakej jejak warisan Islam dan mesra muslim.

Pengurus Besar Tourism Selangor, Azrul Shah Mohamad berkata ia memberi peluang kepada hos komuniti memasarkan pakej baharu produk pelancongan bertemakan ciri Islamik.

"Ini juga selaras pelaksanaan Kempen Pelancongan Domestik Tourism Selangor, "Pusing Selangor Dulu" yang digerakkan sempena penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)," katanya pada 14 Julai lalu.

Azrul Shah berkata kepelbagaian pakej memberi nilai tambah kepada industri pelancongan Selangor.

"Aktiviti seperti pelaksanaan ibadah akikah, tutorial pengurusan jenazah, pembuatan batu nisan dan perubatan Islam juga boleh dipasarkan sebagai tarikan pelancongan di negeri ini.

"Hal ini membuktikan Selangor sebagai sebuah destinasi pelancongan serba mempesona, ditambah pula dengan pakej pelancongan bercirikan Islamik terbaharu mempunyai potensi untuk dikomersialkan sebagai tarikan unik dan tersendiri," katanya.



**HANGUS...** Pegawai Majlis Agama Islam Selangor (Mais) dan Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) meninjau keadaan struktur dalaman Surau Al-Firdaus, Taman Banting Baru, Kuala Langat yang hampir 80 peratus musnah akibat litar pintas pada 19 Julai lalu. Kerugian dianggarkan RM250,000

## WAKTU SOLAT SELANGOR

23 - 29 JULAI 2020  
2 - 8 ZULHIJAH 1441



Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling dan Shah Alam

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
23 Khamis	5:50	6:00	7:11	1:23	4:45	7:30	8:44
24 Jumaat	5:50	6:00	7:11	1:23	4:45	7:30	8:44
25 Sabtu	5:50	6:00	7:11	1:23	4:45	7:30	8:44
26 Ahad	5:50	6:00	7:11	1:23	4:45	7:30	8:44
27 Isnin	5:50	6:00	7:11	1:23	4:45	7:30	8:43
28 Selasa	5:50	6:00	7:11	1:23	4:44	7:30	8:43
29 Rabu	5:50	6:00	7:11	1:23	4:44	7:30	8:43

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
23 Khamis	5:51	6:01	7:12	1:25	4:48	7:33	8:47
24 Jumaat	5:51	6:01	7:12	1:25	4:48	7:33	8:47
25 Sabtu	5:51	6:01	7:12	1:25	4:48	7:33	8:47
26 Ahad	5:52	6:02	7:12	1:25	4:48	7:33	8:47
27 Isnin	5:52	6:02	7:12	1:25	4:47	7:33	8:47
28 Selasa	5:52	6:02	7:12	1:25	4:47	7:33	8:46
29 Rabu	5:52	6:02	7:12	1:25	4:47	7:33	8:46

Klang dan Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
23 Khamis	5:50	6:00	7:12	1:23	4:46	7:30	8:44
24 Jumaat	5:51	6:01	7:12	1:23	4:46	7:30	8:44
25 Sabtu	5:51	6:01	7:12	1:23	4:46	7:30	8:44
26 Ahad	5:51	6:01	7:12	1:23	4:46	7:30	8:44
27 Isnin	5:51	6:01	7:12	1:23	4:45	7:30	8:43
28 Selasa	5:51	6:01	7:12	1:23	4:45	7:30	8:43
29 Rabu	5:51	6:01	7:12	1:23	4:45	7:30	8:43



## 2,000 keluarga keluar senarai asnaf

### SHAH ALAM -

Lembaga Zakat Selangor (LZS) menjangka seramai 2,000 keluarga keluar daripada senarai asnaf hujung tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya

Saipolyazan M Yusop berkata program Blueprint Pembangunan Asnaf tahun lalu berjaya membantu golongan itu dari aspek modal serta pendidikan.

"LZS tidak fokus generasi pertama saja malah generasi kedua diberi bantuan pelajaran dan kemahiran. Apabila mereka bekerja kita harap mereka akan bantu keluarga.

"Setakat ini 16,000 anak asnaf dibantu dan 8,000 masih belajar termasuk di luar negara dalam pelbagai bidang," katanya ketika ditemui selepas Majlis Pelancaran Sistem e-Perjanjian, 17 Julai.

Beliau menjelaskan LZS turut membantu anak golongan itu mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian selain memberi kursus membuat pengenalan diri (resume) serta cara menghadiri temu duga.

"Sekarang kita laksanakan Kempen Jom Kerja di beberapa syarikat seperti Pasar Raya Mydin, Proton, Mr DIY dan Top Glove. Melalui kempen ini kita bantu mereka cari pekerjaan," katanya.

## Manfaat Kiss diperluas




SHAH ALAM - Manfaat Kasih Ibu Smart Selangor (Kiss) diperluas untuk membeli peralatan perlindungan peribadi (PPE), pelit-up muka, sarung tangan dan cecair pembasmian kuman.

EXCO kebajikan berkata penambahbaikan bantuan terutama inisiatif untuk golongan wanita yang terjejas akibat Covid-19 kini pada peringkat akhir kelulusan.

"Kerajaan Negeri bersikap terbuka menerima maklum balas daripada pemegang kad bagi kebaikan semua pihak," kata Dr Siti Mariah Mahmud pada 15 Julai lalu.

Peruntukan program Kiss tahun ini berjumlah RM62 juta. Hampir 50,000 wanita mendapat manfaat sejak diperkenalkan pada 2017.

Sejak diperkenalkan pada 2017, inisiatif itu memberi manfaat kepada hampir 50,000 wanita di negeri ini.



DYTM Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj (tengah) memegang cek curi bernilai RM1.3 juta dari Central Sugars Refinery Sdn Bhd bagi pembinaan Kompleks Anak Yatim Yide

### Bina kompleks anak yatim

# Yide terima sumbangan RM1.55 juta

OLEH SHEEDA FATHIL

SHAH ALAM - Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah al Haj berkenan menerima sumbangan bagi pembinaan Kompleks Anak Yatim Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide) di Pulau Indah, Pelabuhan Klang.

Pengurus Besaranya, Nur Mohd Razali Abdullah berkata lima syarikat korporat dan agensi kerajaan menyampaikan sumbangan RM1.55 juta pada majlis ringkas di Istana Mestika, 21 Julai lalu.

"Yide mengucapkan terima kasih di atas

sumbangan diberikan dan mengalu-alukan lebih banyak syarikat korporat atau agensi berkaitan kerajaan untuk bersama menjayakan pembinaan kompleks ini.

"Kompleks ini juga adalah usahasama Yide dengan Central Spectrum Sdn Bhd dan Perbadanan Wakaf Selangor yang sehingga kini telah mengumpul sejumlah RM6.3 juta, tetapi masih perlukan RM3.7 juta," katanya.

Raja Muda Selangor berkenan menerima sumbangan Central Sugars Refinery (CSR) Sdn Bhd bernilai RM1.3 juta; Worldwide Holdings Berhad (RM45,000); Kumpulan Darul Ehsan Berhad Waste Manage-

ment (RM36,600); Celcom Axiata Berhad (RM50,000) dan Aiman Platinum Sdn Bhd (RM41,000).

Turut hadir, Pengerusi Yide Dato' Baktiar Husin dan Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor Dr Haji Ahmad Shahir Makhtar.

Orang ramai, syarikat korporat dan agensi kerajaan yang ingin menyumbang bagi pembinaan kompleks itu boleh berbuat demikian melalui Bank Islam (1223 40100 07330) atau secara dalam talian, yide.com.my/donations/infaq-dana-anak-yatim, Jom Pay (BillerCode: 81059) atau aplikasi SnapNPay.

## PWB sedia bantuan RM336,000



Penyelia Pusat Wanita Berdaya (PWB) Taman Medan menyampaikan bantuan lampin dan susu kepada golongan memerlukan

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri melalui Pusat Wanita Berdaya (PWB) memperuntukkan RM336,000 dalam bentuk bantuan susu dan lampin bayi kepada mangsa terkesan Covid-19.

EXCO Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga Dr Siti Mariah Mahmud berkata sehingga kini seramai 5,829 individu dari semua Dewan Undangan Negeri menerima manfaat tersebut.

"Kita memutuskan untuk batal dan tangguh beberapa program PWB yang bersifat tidak kritikal sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Susulan itu, kita melaksanakan program kilat iaitu pemberian susu dan lampin bayi kepada mereka yang terkesan akibat pandemik ini," katanya pada 19 Julai.

Beliau berkata PWB juga giat menganjurkan aktiviti yang memfokuskan kepada modul perusahaan makanan, minuman serta kraftangan dalam tempoh PKP Pemulihan.

Perlumbaan sukar bagi semua

# Hafizh raih tempat keenam di Sepanyol

**KUALA LUMPUR** - Pelumba Moto2 negara, Hafizh Syahrin Abdullah berjaya meraih tempat keenam daripada 23 pelumba pada Kejuaraan Motosikal Grand Prix Sepanyol di Litar Jerez pada 19 Julai.

Pelumba pasukan Inde Aspar Team Moto2 itu yang memulakan perlumbaan di petak ke-15, melakar catatan masa 39 minit 38.875 saat pada perlumbaan yang melibatkan 23 pusingan itu.

Pelumba Itali, Luca Marini dari pasukan Sky Racing Team VR46 meraih kemenangan sulung musim ini setelah merakam masa 39 minit 23.297 saat, disusuli dua pelumba pasukan Red Bull KTM Ajo, Tetsuta Nagashima dan Jorge Martin dari Sepanyol yang masing-masing ketinggalan 1.271 saat dan 4.838 saat di belakang Marini.

"Perlumbaan kali ini agak panas dan sukar bagi kesemua pelumba, apapun saya dah buat yang terbaik.

"Saya dah hilang 'penghayatan' macam ini dah lama, jadi saya amat bersyukur dapat tempat keenam. Apapun, terima kasih kepada pasukan yang ter-



us membantu saya dan saya akan buat yang terbaik untuk perlumbaan selepas ini," kata Hafizh.

Hafizh Syahrin akan meneruskan sa-

ingan Moto2 pada perlumbaan seterusnya pada GP Andalusia yang dijadualkan berlangsung di litar yang sama, hujung minggu depan. -BERNAMA

## Harimau Malaya uji Bahrain 2 Oktober

**KUALA LUMPUR** - Skuad Harimau Malaya bakal berdepan pasukan ranking ke-99 dunia, Bahrain pada aksi pemanasan badan di tempat lawan, 2 Oktober ini.

Setiasaha Agung Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), Stuart Ramalingam berkata perlawanan berkenaan merupakan persediaan skuad kebangsaan sebelum menentang Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada aksi keenam kum-

pulan G pusingan kedua kelayakan Piala Dunia 2022 dan Piala Asia 2023 pada 8 Oktober nanti.

Beliau berkata bagaimanapun, badan induk itu perlu mendapatkan kebenaran daripada kerajaan untuk berlepas ke Bahrain memandangkan sekatan perjalanan ke luar negara masih berkuat kuasa.

"Baru-baru ini, FAM dan Bahrain FA su-

dah mencapai persetujuan secara lisan untuk mengadakan aksi persahabatan di tempat lawan, namun kita perlu menunggu lampu hijau daripada kerajaan sebelum terbang ke sana.

"Ketua jurulatih kebangsaan, Tan Cheng Hoe dijangka memanggil beberapa pemain bagi menjalani latihan pusat, seminggu sebelum mereka terbang ke Bahrain," jelas Stuart 15 Julai. -BERNAMA

## Piala Thomas: Malaysia ada peluang



**KUALA LUMPUR** - Malaysia hanya perlu mencuri satu mata menerusi acara perseorangan bagi menjadi pencabar kejuaraan dalam saingan Piala Thomas 2020, Oktober ini.

Legenda badminton negara, Datuk Seri Jalani Sidek percaya kehadiran beregu lelaki profesional, Goh V Shem-Tan Wee Kiong dalam pasukan mampu menambahkan lagi 'sangat' skuad negara.

Katanya, dengan Aaron Chia-Soh Wooi Yik turun sebagai beregu pertama dan V Shem-Wee Kiong pula kedua, kedua-dua pasangan berkenaan dilihat mempunyai peluang yang tinggi bagi menyumbang mata kepada skuad negara.

"Jadi, kita hanya perlu curi satu mata dalam acara perseorangan. Kita ada Lee Zii Jia sebagai perseorangan pertama dan melihat kepada peningkatan prestasi yang ditunjukkan sebelum ini, dia boleh menjadi penyumbang mata," lapor Berita Harian.

"Namun, kita perlu realistik kerana sebagai perseorangan pertama, dia akan berdepan musuh yang lebih kuat jika menentang pasukan seperti Jepun, China dan Denmark.

## Liga M bermula 26 Ogos

**SHAH ALAM** - Saingan Liga Bola Sepak Malaysia (Liga-M) 2020 yang tertangguh sejak 16 Mac lalu disambung semula pada 26 Ogos, kata ketua pegawai eksekutif Liga Bola Sepak Malaysia (MFL).

Datuk Ab Ghani Hassan berkata Ahli Lembaga Pengarah mencapai kata putus mengenainya selepas menilai tempoh persiapan pasukan bertanding bagi memastikan kualiti liga lebih kompetitif.

"Tarikh baharu saingan Liga-M ditetapkan adalah terbaik buat semua pasukan selepas sesi latihan fasa dua dibenarkan kerajaan bermula 15 Julai," katanya pada 17 Julai.

Mengulas lanjut Ab Ghani berkata perlawanan Liga Super yang tertunda antara PJ City FC dan Terengganu FC serta Liga Perdana membabitkan UKM FC menentang Kelantan diadakan pada 22 Ogos.

"Selain itu pasukan Liga Super dan Liga Perdana hanya dibenarkan mengadakan perlawanan persahabatan bermula 2 Ogos sebaik tamat tempoh bertenang dari 29 Julai hingga 1 Ogos," katanya.

## Rakyat Jepun mahu Olimpik batal



**TOKYO** - Tinjauan mendapati lebih 60 peratus warga Jepun lebih suka temasya Olimpik 2020 dibatalkan atau ditangguhkan sekali lagi, lapor agensi berita Sputnik.

Pada akhir Mac, Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa dan jawatankuasa penganjur Sukan Tokyo 2020 mengumumkan acara itu ditangguhkan pada 2021 kerana wabak Covid-19.

Sukan Olimpik dan Paralimpik Tokyo 2020 dijadual dari 23 Julai hingga 8 Ogos 2021.

Menurut hasil tinjauan oleh penyiar NHK, 31 peratus responden mahu Olimpik 2020 dibatalkan sepenuhnya, sementara 35 peratus mahu ia ditunda sekali lagi. Hanya 26 peratus bersetuju ia dilangsungkan mengikut jadual.

Tinjauan dilakukan dari 17 hingga 20 Julai melalui panggilan telefon, membabitkan 1,298 warga Jepun yang dipilih secara rawak. -BERNAMA



Tampil atlet muda dalam SUKMA

# Skuad karate yakin raih emas

OLEH AFIX REDZUAN

**SHAH ALAM** - Skuad karate Selangor menasaskan kutipan dua emas sekalipun menampilkan atlet muda pada Sukan Malaysia (SUKMA) di Johor.

Jurulatihnya, Prem Kumar Subbanna berkata beliau menggunakan pendekatan psikologi bagi meningkatkan semangat atlet mengejar sasaran tersebut.

"Kita ketengahkan atlet muda kali ini dan menasaskan memperbaiki keputusan kutipan pingat di SUKMA lalu yang sekadar mengutip satu emas, tiga perak dan beberapa gangsa.

"Semua negeri bakal memberikan saingan hebat kerana masing-masing mempunyai atlet kebangsaan," katanya pada 18 Julai lalu.

Prem Kumar berkata Selangor bakal menghantar 12 atlet untuk acara kumite dan enam acara kata. Sesi latihan masih dijalankan secara individu sebagai langkah berjaga-jaga mengelak penularan wabak.

SUKMA 2020 di Johor dijadualkan semula pada 6 hingga 14 Mac susulan pandemik Covid-19.



## Piala Razak uji hoki wanita

**SHAH ALAM** - Pasukan hoki wanita Selangor menyertai kejohanan Piala Razak, September ini bagi mendapatkan renakut permainan sebelum saingan Sukan

Malaysia (SUKMA) tahun depan.

Jurulatihnya Ikmal Abdul Jabar berkata mentaliti untuk memenangi pingat emas sekali lagi diterapkan kepada

pemain sebagai dorongan mempertahankan kejuaraan sebelum ini di Perak.

"Mungkin Ogos depan kita panggil beberapa pemain senior untuk berlatih bersama pasukan sebagai persediaan menyertai kejohanan Piala Razak. Tarikh kita belum tahu lagi tetapi dari situ lebih banyak perlawanan persahabatan boleh disertai.

"Sejak pengumuman pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), persatuan mengubah perancangan untuk menyertai kejohanan ini dan siri pertandingan dianjurkan negeri lain," katanya pada 17 Julai.

Ikmal berkata sesi latihan sejak bulan lalu berjalan lancar dan pemain bersungguh-sungguh mengembalikan kecergasan yang sedikit merosot ketika PKP.



Pasukan Hoki Wanita Selangor ketika menjuarai Hoki Wanita Piala Razak 2017

## Skuad basikal sasar enam pingat

**SHAH ALAM** - Skuad basikal Selangor menasaskan enam pingat pada Sukan Malaysia (SUKMA) Johor awal tahun depan susulan ketiadaan pelumba berpengalaman.

Jurulatihnya, Mohd Yusof Abdul Nasir berkata pelumba muda ditampilkan pada kejohanan dwitahunan susulan pelumba sebelum ini melebihi had

umur 21 tahun.

"Setiap tahun kita memang tidak sasar banyak. Di Johor hanya enam sahaja iaitu dua emas, dua perak dan dua gangsa.

"Kita rancang mereka mencari pengalaman dahulu dan menjadi tonggak pasukan pada SUKMA Selangor (2022) dan Kelantan (2024)," katanya pada 20 Julai.

Mohd Yusof berkata anak didiknya akan dihantar menyertai perlumbaan terbuka sebelum SUKMA berlangsung bagi menguji tahap stamina masing-masing.

"Kita mulakan latihan dari bawah selepas cuti panjang akibat Perintah Kawalan Pergerakan. Jadi cara itu sebagai strategi melatih atlet," katanya.

## MSN iktiraf Selangor Xtiv Virtual 2020

**SHAH ALAM** - Program e-sukan Selangor Xtiv Virtual 2020 mendapat pengiktirafan Majlis Sukan Negara (MSN) kerana menjadi pertandingan maya berskala besar dengan merekodkan 85,031 pendaftaran.

EXCO Sukan, Mohd Khairuddin Othman berkata penganjuran itu menarik penyertaan peserta luar negara antaranya Singapura, Indonesia, Brunei, Jepun dan India.

"Pencapaian ini amat membanggakan dan saya ucapkan terima kasih kepada semua pihak yang bekerja keras menyediakan aktiviti bermanfaat selaras dengan kehendak golongan muda," katanya.

Beliau menjawab soalan Ahli Dewan Negeri Balakong Wong Siew Ki berhubung aktiviti sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta pemerkasaan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) pada sidang Dewan Negeri Selangor, 14 Julai lalu.

Berakhir pada 31 Disember, program e-sukan Selangor Xtiv Virtual 2020 terbahagi kepada tiga iaitu Xtiv Virtual e-Sport, Virtual Run dan Martial Art Xtiv yang menawarkan hadiah keseluruhan RM431,000.

